



**SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT  
GOALS**

APPGM-SDG supports the Sustainable Development Goals

# 2022 LAPORAN TAHUNAN

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia  
mengenai Matlamat Pembangunan Lestari



+ 6013 920 3550



secretariat@appgm.sdg.com



<https://APPGM-SDG.com/>





## PRAKATA

• <i>Yang Di – Pertua Dewan Rakyat</i>	I
• <i>Menteri Ekonomi Malaysia</i>	III
• <i>Pengerusi Jawatankuasa APPGM-SDG</i>	IV
• <i>Naib Pengerusi Jawatankuasa APPGM-SDG</i>	VI
• <i>Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)</i>	VIII
• <i>Ketua Sekretariat APPGM-SDG</i>	X

## BAHAGIAN 1: AHLI-AHLI PARLIMEN DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI

• <i>Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG (Sidang Parlimen ke-14)</i>	3
• <i>Mesyuarat Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG</i>	4
• <i>Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari di 57 kawasan (Tahun 2020 hingga 2022)</i>	5
• <i>Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG (Sidang Parlimen ke-15)</i>	7

## BAHAGIAN 2: PERIHAL SEKRETARIAT

• <i>Tahun 2022: Tahun Baharu bagi Memacu Matlamat Pembangunan Lestari di Peringkat Akar Umbi</i>	9
• <i>Ahli Sekretariat</i>	18
• <i>Mesyuarat &amp; Acara Utama yang Dihadiri oleh APPGM-SDG Pada Tahun 2022</i>	19

## BAHAGIAN 3: PEMETAAN ISU DAN POLISI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI

• <i>Pemetaan Isu Tempatan dan Lawatan Tapak</i>	23
• <i>Isu-isu Polisi Berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari</i>	35
• <i>Persidangan Matlamat Pembangunan Lestari bagi Tahun 2022</i>	41
• <i>Perbincangan Meja Bulat Berkaitan Polisi</i>	43



## BAHAGIAN 4: PROJEK SOLUSI

- *Ulasan Projek Solusi* 46
- *Senarai Projek Solusi Mengikut Kawasan Parlimen* 57
- *Penilaian Impak Projek Solusi Kohort 2021* 124

## BAHAGIAN 5: AKADEMI MYSDG

- *Program Pembangunan Kapasiti Tahun 2022* 128
- *Pembangunan Belia Dalam Matlamat Pembangunan Lestari Tahun 2022* 136
- *Persidangan dan Penerbitan Belia* 139

## BAHAGIAN 6: PENYERTAAN DI PERINGKAT SERANTAU DAN GLOBAL

- *Penyertaan dalam HLPF 2022 di Ibu Pejabat PBB di New York* 141
- *Penyertaan dalam Forum Asia Pasifik mengenai Pembangunan Lestari ke-9 di Bangkok* 148
- *Penyertaan dalam South-East Asia Multi-Stakeholder Forum on Implementation of the Sustainable Development Goals ke-6* 149
- *Penyertaan dalam Regional Conference of Youth - Asia and the Pacific 2022* 150

## BAHAGIAN 7: KEWANGAN

- *Kewangan APPGM-SDG 2022* 152
- *Penyata Akaun yang Diaudit bagi Tahun 2022* 153

## BAHAGIAN 8: PERTUBUHAN DAN PERIKATAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI

- *Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari* 155
- *Perikatan CSO-SDG Malaysia* 157



# Prakata

## YBhg. Tan Sri Dato' Johari Abdul

YDP Speaker Dewan Rakyat  
Parlimen Malaysia

Setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan kepada APPGM-SDG di atas penerbitan Laporan Tahunan bagi tahun 2022 ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Sri Rohani Abdul Karim dan Puan Maria Chin Abdullah selaku mantan Pengerusi dan Naib Pengerusi APPGM-SDG bagi sidang parlimen ke-14 serta ahli jawatankuasa dan ahli Sekretariat yang diketuai oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria.

Ucapan tahniah juga perlu diberikan kepada kumpulan ini di atas pencapaian yang telah dicapai buat masa kini. Saya telah memantau gerak kerja APPGM-SDG dan sukacita untuk saya maklumkan bahawa kumpulan ini merupakan salah satu kumpulan inisiatif APPGM oleh Parlimen Malaysia yang aktif dalam melaksanakan peranan mereka.

Kumpulan APPGM-SDG telah banyak membantu dalam penglibatan bersama bukan ahli-parlimen dan badan bukan kerajaan dalam perkara berkaitan SDG dan isu negara secara umumnya. Satu pujian perlu diberikan kepada keupayaan kumpulan ini dalam mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia serta sokongan penuh daripada Kementerian Ekonomi sejak daripada tahun 2020.

Satu usaha yang sangat bagus dimana 57 kawasan parlimen yang terlibat dalam gerak kerja APPGM-SDG dalam usaha penglokalisasi SDG dari tahun 2020 hingga tahun 2022 dan bagaimana ahli-ahli parlimen telah bersama-sama dan bersetuju dalam menangani isu yang melibatkan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang berkait rapat dengan pembangunan rakyat dan kebimbangan di peringkat akar umbi di kawasan parlimen meskipun berbeza pandangan politik.

Model APPGM-SDG telah menyediakan satu ruang bagi usaha dwipartisan untuk menangani isu di peringkat tempatan dan negara. Tema ini yang melibatkan penglibatan bersama Ahli Parlimen di peringkat parlimen dalam mengenalpasti isu di peringkat tempatan dan pelaksanaan projek solusi yang memberikan impak di hati dan minda rakyat biasa.



Saya perlu memberikan pujian kepada usaha untuk mengemukakan isu yang telah dipetakan di dalam kawasan parlimen melalui penerbitan pelbagai jenis laporan seperti laporan awal, kajian kes dan laporan analisis situasi dan di peringkat seterusnya, meningkatkan ketampakan isu ini melalui polisi dialog dan diskusi. Hasil dapatan lawatan kajian ini secara tidak langsung dapat membantu ahli parlimen semasa sidang bahas di parlimen dan penting sebagai salah satu input di dalam proses pembuatan dasar.

Selaku Speaker Dewan Rakyat, saya ingin melihat lebih banyak perbincangan polisi diadakan bagi memperkukuhkan pandangan parlimen terhadap pembangunan negara terutamanya perkara yang melibatkan isu kemiskinan dan ketidaksamaan, diskriminasi dan kesamaan jantina, belia, keamanan dan keadilan serta perkara yang berada di dalam lingkungan agenda lestari. Kesemua ahli parlimen perlu bersama-sama menggembelng tenaga untuk rakyat. Kita perlu menggunakan serta memanfaatkan Agenda SDG ini bagi memastikan tiada siapa ketinggalan di dalam negara kita.

Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada ahli parlimen yang telah terlibat, wakil-wakil CSO dan komuniti di peringkat akar umbi. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada APPGM-SDG dan mendoakan yang terbaik serta kejayaan yang berterusan di dalam usaha murni mereka.



**YB Tuan Rafizi Ramli**  
Menteri Ekonomi Malaysia

Satu penghormatan bagi saya untuk menulis kata alu-aluan ini dan penting untuk ditegaskan kepentingan penyetempatan matlamat pembangunan lestari dan peranan penting Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia tentang Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) di Malaysia. Kementerian ekonomi merupakan fokal utama SDG di peringkat kebangsaan, dan suka untuk saya nyatakan bahawasanya kerangka pembangunan negara adalah sejajar dengan matlamat pembangunan lestari, menggambarkan komitmen kita yang tidak berbelah bahagi bagi pembangunan lestari.

Saya ingin mengucapkan terima kasih pada jawatankuasa sesi lepas yang di pengerusikan oleh Dato' Sri Rohani Abdul Karim sebagai Pengerusi Jawatankuasa APPGM-SDG bagi tahun 2022 bersama Prof. Datuk Dr Denison Jayasooria selaku ketua sekretariat APPGM-SDG diatas kerja yang dijalankan.

Saya memuji gerak kerja APPGM-SDG atas peranan penting dalam memacu usaha penyetempatan SDG di Malaysia apabila melihat jumlah Kawasan parlimen yang terlibat semakin bertambah daripada 30 kawasan parlimen pada tahun 2021 kepada 57 kawasan parlimen pada tahun 2022. Kumpulan dwi-partisan ini telah menggalakan sesi dialog, penglibatan dan kerjasama dalam kalangan ahli parlimen dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk kerjasama rentas parti ke arah pembangunan lestari.

Kerajaan Malaysia sedar tentang kepentingan dalam kerjasama bersama badan bukan Kerajaan dalam mencapai objektif pembangunan lestari. Bekerja rapat dengan kerajaan tempatan dan pihak berkuasa adalah selaras dengan strategi untuk melaksanakan SDG memandangkan 65% daripada matlamat adalah berkaitan dengan gerak kerja mereka dan saya ingin melihat sinergi ini dapat diperkasakan. Kami menghargai kepakaran yang berharga, perspektif yang pelbagai dan pengetahuan akar umbi yang dibawa oleh organisasi ini ke meja.

Kita telah mencapai titik tengah dalam pelaksanaan SDG sejak ia dilancarkan pada tahun 2015 dan terdapat keperluan mendesak untuk mempercepatkannya dalam mencapai sasaran 2030. Ini hanya boleh dilaksanakan dengan sokongan penuh daripada semua pihak berkepentingan dan oleh itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen yang terlibat dan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) yang telah menjadi rakan kongsi yang tidak ternilai dalam perjalanan pembangunan lestari kita. Dedikasi, kepakaran, usaha gigih anda telah memainkan peranan penting dalam memajukan SDG di Malaysia. Kami menghargai kerjasama berterusan anda dan berharap untuk mengukuhkan lagi perkongsian kami untuk kemajuan negara kita. Terima kasih.



**YB Puan  
Isnaraissah Munirah Majilis**

Pengerusi Jawatankuasa APPGM-SDG  
Ahli Parlimen Kota Belud

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG sidang Parlimen ke-14 yang dipengerusikan oleh Dato' Sri Rohani Abdul Karim dan Puan Maria Chin Abdullah sebagai Naib Pengerusi. Tidak dilupakan juga, ahli-ahli jawatankuasa APPGM-SDG dan ahli Sekretariat APPGM-SDG dalam menjalankan kerja dan memainkan peranan yang sangat aktif dalam usaha penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari di peringkat kawasan Parlimen. Setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan atas penerbitan laporan tahunan bagi tahun 2022.

Adalah bermakna untuk dinyatakan setakat tahun 2022, terdapat 57 kawasan Parlimen yang telah bersama-sama pihak APPGM-SDG dalam usaha penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) serta bagaimana ahli-Ahli Parlimen di kawasan ini bersama-sama bersepakat dalam memberikan perhatian terhadap aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar yang melibatkan pembangunan komuniti serta menangani isu-isu di peringkat akar umbi di kawasan Parlimen tanpa mengambil kira pandangan politik.

APPGM-SDG telah dan akan terus menjadi sebuah platform yang unik untuk terus mempromosikan SDG dan menjadi juara SDG di peringkat akar umbi dan di peringkat advokasi dan pembentukan polisi. Ini boleh dilakukan melalui kerjasama yang baik dan komitmen daripada ahli Parlimen itu sendiri yang bertanggungjawab dalam membawa isu-isu tempatan di kawasan mereka untuk diselesaikan melalui campur tangan daripada agensi-agensi yang berkaitan dan melalui pindaan polisi.

APPGM-SDG sering menekankan semangat kumpulan dwi-partisan dan kawasan Parlimen yang terlibat mempunyai wakil daripada kedua belah pihak tidak kira daripada pihak pembangkang atau pihak kerajaan. Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari terus menjadi agenda untuk memastikan tiada siapa ketinggalan melalui pendekatan bawah-ke-atas.



Komponen utama dalam gerak kerja APPGM-SDG adalah pengenalanpastian isu di peringkat akar umbi, pelaksanaan projek solusi yang berasaskan komuniti, program pembangunan kapasiti dan dialog polisi di peringkat tertinggi sebagai nilai tambah kepada keseluruhan proses tersebut. Ini untuk memastikan semua peringkat masyarakat di Malaysia dapat bersama-sama menikmati taraf kehidupan yang lebih baik.

Melalui gerak kerja APPGM-SDG, hampir 300 isu tempatan telah dikenalpasti dan masih belum dijumpai jalan penyelesaiannya. Saya yakin dan percaya isu-isu ini boleh diselesaikan sekiranya semua pihak dapat bersama-sama dalam menggembelng idea dan tenaga. Ini akan melibatkan semua pihak tanpa mengira sama ada mereka merupakan Ahli Parlimen atau agensi kerajaan, untuk duduk bersama membincangkan cara penyelesaian yang praktikal dan lestari.

Oleh itu, selaku Pengerusi baharu bagi ahli jawatankuasa APPGM-SDG, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru semua pihak untuk bersama-sama dalam usaha pelaksanaan SDG di negara kita. SDG memerlukan kerjasama seluruh rakyat Malaysia termasuk pihak swasta.

Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada APPGM-SDG dalam semua usaha yang dilakukan.





## **YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah**

Naib Pengerusi Jawatankuasa APPGM-SDG  
Ahli Parlimen Indera Mahkota

Dalam usaha untuk mewujudkan masa hadapan yang lebih baik untuk negara dan dunia, adalah satu penghormatan bagi saya untuk memberikan kata alu-aluan ini. Adalah penting untuk menegaskan kepentingan semangat dwi-partisan dan usaha bersama antara Ahli-ahli Parlimen. Sebagai Naib Pengerusi bagi Jawatankuasa Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) – Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)/ (APPGM-SDG), saya percaya ia adalah satu tanggungjawab bersama untuk mencapai agenda global melalui kesepaduan dan usaha bersama.

Matlamat Pembangunan Lestari telah menyediakan satu kerangka untuk kita menangani isu-isu berkaitan kemanusiaan di mana ianya telah menyediakan peluang untuk membina masa hadapan yang lestari, saksama dan makmur. Walaubagaimanapun, magnitud isu-isu ini memerlukan pendekatan bersama kerana isu-isu ini melangkaui fahaman politik.

Tanpa mengira pakatan dan ideologi, kita perlu fahami tiada batasan dalam usaha mencapai pembangunan yang lestari. Pembangunan lestari merupakan satu agenda yang memerlukan komitmen dan dedikasi daripada setiap ahli Parlimen tanpa mengira parti politik. Sekiranya semangat dwi-partisan ini dapat diterapkan, secara tidak langsung ia akan membuka peluang yang tidak ternilai dalam kerjasama dan kemajuan agenda ini.

Keunikan SDG ini adalah ia merupakan satu agenda yang universal. Ia meliputi aspirasi yang dikongsi bersama negara dan mewujudkan titik persamaan bagi kerjasama. Peranan kita sebagai ahli Parlimen adalah untuk merapatkan jurang antara retorik dan tindakan untuk menjadikan SDG satu hasil yang nyata dan memberikan impak yang positif kepada rakyat, dan bukan sahaja perkataan di atas kertas semata-mata.

Melalui APPGM-SDG, kami mempunyai keistimewaan yang unik untuk bersama-sama sebagai wakil daripada pelbagai fahaman politik, menuju ke arah tujuan yang sama. Platform ini menyediakan peluang dan ruang untuk kami terlibat dalam sesi dialog, bertukar idea dan membangunkan jalan penyelesaian yang inovatif. Dengan memperkukuhkan semangat dwi-partisan, kita akan dapat melangkaui halangan politik, membuka potensi dengan perkongsian kepakaran dan kebijaksanaan.



Saya menjemput semua Ahli Parlimen, untuk bersama sama berpegang kepada semangat dwi-partisan ini dan merebut peluang yang sedia ada di hadapan kita. Bersama-sama kita akan melakukan satu perubahan yang akan meninggalkan warisan bagi generasi akan datang. Marilah kita bersama-sama menggembeleng tenaga tanpa mengira perbezaan sebagai komitmen bagi Agenda global ini. Menerusi usaha ini, kita akan dapat membina dunia yang lebih lestari dan makmur untuk semua.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG (sidang Parlimen ke-14) dan ahli Sekretariat APPGM-SDG atas usaha mereka mendepankan Agenda global ini.

Terima kasih.



## **Puan Karima El Korri**

Penyelaras Residen  
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu  
di Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam

Bagi pihak Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) di atas penerbitan laporan tahunan ketiga.

Laporan ini menggambarkan pencapaian yang mengagumkan oleh pihak APPGM-SDG dibawah kepimpinan baharu oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis sebagai pengerusi dan YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah sebagai Naib Pengerusi, disokong oleh Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari dan Perikatan CSO-SDG Malaysia.

Pada titik pertengahan Agenda 2030 dan kewujudan ketidaktentuan krisis global, pendekatan seperti rentas parti dan usahasama adalah penting dalam pelaksanaan SDG. APPGM-SDG mendepankan semangat SDGs yang menunjukkan keazaman keseluruhan masyarakat secara kolektif untuk memberikan tumpuan terhadap keutamaan pembangunan lestari tempatan melalui penyelesaian yang konkrit. Dengan memupuk dialog terbuka, perkongsian pengetahuan dan tindakan di peringkat kawasan parlimen di seluruh Malaysia, pendekatan inklusif ini telah menjadi penggerak kemajuan SDG yang tidak meninggalkan individu atau komuniti di belakang.

Merujuk kepada laporan yang diterbitkan pada tahun 2023 oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Kemajuan SDG, ianya menunjukkan aliran trend yang membimbangkan, mengesahkan bahawa dunia masih ketinggalan jauh dan pencapaian komitmen tahun 2015 berada pada risiko yang serius. Lebih separuh daripada penduduk dunia ketinggalan, manakala lebih 30 peratus daripada 169 sasaran SDG menunjukkan regresi dan keterbelakangan terutamanya dalam objektif asas seperti kemiskinan dan pengurangan kelaparan. Di samping itu, pencapaian pada 50 peratus daripada matlamat yang ditetapkan kekal lemah dan tidak mencukupi. Penemuan ini menjadi peringatan tentang gerak kerja yang perlu dilakukan untuk menggiatkan semula komitmen secepat terhadap pembangunan lestari.



Kunci kepada penyelamatan SDG dan SDG Summit 2023 yang akan diadakan pada bulan September di ibu pejabat PBB bertempat di New York merupakan perkongsian pelbagai pihak berkepentingan. Mereka telah membuktikan keberkesanan dalam memacu usaha transformasi bersama dan menggerakkan usaha pelaksanaan. Projek APPGM-SDG dan impaknya merupakan contoh terbaik mengapa SDG perlu menjadi perhatian semua pihak seperti kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan, ahli parlimen, pertubuhan masyarakat sivil, komuniti tempatan, belia, ahli akademik, sektor swasta dan media.

Berdasarkan tinjauan tahunan, Model APPGM-SDG telah berjaya mengukuhkan kemampuan untuk menghasilkan keputusan yang boleh diukur di dalam negara. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk memupuk juara SDG yang boleh memberi inspirasi di dalam dan di luar sempadan negara. Melalui penglibatan yang lebih kukuh di peringkat antarabangsa, seperti di Forum Asia Pasifik mengenai Pembangunan Lestari (APFSD) dan Forum Politik Peringkat Tinggi, APPGM-SDG telah mendapat pengiktirafan serantau dan global.

Usaha ini tidak akan dapat dicapai tanpa komitmen yang telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia terhadap penyetempatan SDG dan percaya kejayaan yang telah dicapai oleh pihak APPGM-SDG perlu diberi galakan dan bantuan kewangan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia memuji APPGM-SDG sebagai model unik yang melengkapi usaha negara dalam pelaksanaan SDG di Malaysia. Kami berbangga dan teruja untuk menjadi sebahagian daripada perjalanan APPGM-SDG.



## Prof Datuk Dr Denison Jayasooria

Ketua Sekretariat APPGM-SDG &  
Presiden Persatuan Promosi Matlamat  
Pembangunan Lestari

Laporan tahunan 2022 ini telah merekodkan pencapaian dan aktiviti yang telah dijalankan di antara bulan Januari 2022 sehingga Disember 2022. Laporan ini telah dibahagikan kepada 8 bahagian.

**Bahagian 1** adalah berkenaan ringkasan tentang ahli Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG. Kami telah menerima penglibatan aktif daripada 27 orang Ahli Parlimen baharu pada tahun 2022, dan dalam tempoh jangka masa 3 tahun pertama, kami telah menerima sokongan daripada 54 orang Ahli Parlimen.

Meskipun sidang Parlimen ke-14 boleh digambarkan sebagai tempoh persaingan politik, dengan meletakkan agenda SDG di hadapan, APPGM-SDG telah mewujudkan platform dwi-partisan di kalangan Ahli Parlimen untuk bersama-sama mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu-isu ekonomi, sosial dan alam sekitar di peringkat akar umbi. Sepanjang mesyuarat ahli jawatankuasa APPGM-SDG, ahli jawatankuasa memainkan peranan masing-masing dengan sifat profesional dan tidak membawa unsur politik ke dalam mesyuarat demi kebaikan rakyat Malaysia terutamanya golongan B40 selaras dengan tema SDG, memastikan tiada siapa ketinggalan.

**Bahagian 2** adalah berkaitan 5 trend utama yang telah dikenalpasti pada tahun 2022 dan termasuk dokumentasi perubahan komposisi dalam sidang Parlimen ke-15 di mana 31 ahli Parlimen baharu terlibat dalam projek penyetempatan SDG.

**Bahagian 3** laporan ini merupakan penulisan komprehensif berkenaan gerak kerja penyelidikan dan pemetaan beserta maklumat lanjut berkenaan ahli Parlimen yang terlibat dalam gerak kerja 2022. Bahagian ini juga memberikan maklumat lanjut berkenaan semakan polisi di peringkat makro termasuk perbincangan meja bulat berkaitan polisi mengenai isu-isu yang telah dikenal pasti.

**Bahagian 4** memberikan penerangan yang lebih terperinci berkenaan projek solusi mikro yang telah dijalankan beserta gambar yang telah dikongsikan mengikut kawasan Parlimen.

**Bahagian 5** laporan ini menyenaraikan aktiviti yang telah dijalankan oleh Akademi mySDG. Di sini, program pembangunan kapasiti telah dijalankan di peringkat daerah bagi petugas kerajaan dan ketua komuniti serta badan pertubuhan bukan kerajaan. Kami juga mempunyai penglibatan aktif bersama golongan belia menerusi pelantikan belia sebagai wakil bagi kawasan Parlimen dan Sidang Kemuncak Golongan Belia.



**Bahagian 6** memberikan maklumat lanjut berkenaan penyertaan di peringkat global dan serantau. Antara acara kemuncak bagi tahun 2022 adalah penyertaan kami dalam Forum Politik Peringkat Tertinggi (HLPF) 2022 di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat. Ini secara tidak langsung membawa penyertaan kami daripada peringkat tempatan ke peringkat global.

**Bahagian 7** laporan tahunan 2022 ini menyediakan ringkasan analisis kewangan dan penyata oleh juruaudit luar bagi dana yang diterima sepanjang tahun 2022.

**Bahagian 8** merupakan bahagian terakhir laporan ini yang memberikan maklumat lanjut berkenaan persatuan SDG yang merupakan sekretariat yang sah dan rangkaian NGO, Perikatan CSO-SDG Malaysia.

### *Tugasan Menuju ke Tahun 2023*

Sidang Parlimen ke-14 telah bermula pada 16 Julai 2018 dan dibubarkan pada 10 Oktober 2022. APPGM-SDG pertama kali didaftarkan semasa sidang Parlimen ke-14 pada bulan Oktober 2019. Kini, kami telah melengkapkan 3 tahun operasi antara tahun 2020 dan 2022. Ini adalah perjalanan yang bermakna dan melibatkan kerjasama antara Ahli Parlimen, penjawat awam, masyarakat awam dan organisasi dari peringkat akar umbi.

Meskipun terdapat perubahan kerajaan semasa sidang Parlimen ke-14 dan kini sidang Parlimen ke-15, Kementerian Kewangan masih terus memperuntukkan dana yang diperlukan. Kami telah menerima sokongan daripada Parlimen, Unit Perancangan Ekonomi di mana kami bekerja rapat sebagai ahli jawatankuasa teknikal dan pemandu, serta Kementerian Luar Negeri.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mantan Speaker Parlimen Tan Sri Azhar Azizan Harun atas sokongan dan kerjasama beliau bersama-sama pegawai Parlimen. Terima kasih kepada mantan menteri kabinet, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, sebelum ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), mantan Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, dan YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah, mantan Menteri Luar Negeri.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan pengerusi ahli jawatankuasa APPGM-SDG, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim atas dedikasi, masa dan komitmen beliau terhadap gerak kerja APPGM-SDG, baik di Malaysia mahupun di luar negara. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada YB Maria Chin Abdullah yang merupakan ahli APPGM-SDG yang sangat aktif. Ucapan penghargaan yang sama kepada semua ahli jawatankuasa kerja atas usaha dan komitmen yang diberikan.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan solusi, ahli Perikatan CSO-SDG Malaysia dan semua staf Sekretariat APPGM-SDG. Tanpa sokongan daripada anda semua, APPGM-SDG tidak akan sampai ke tahap ini.

**B A H A G I A N**

**01**

**AHLI-AHLI PARLIMEN &  
MATLAMAT PEMBANGUNAN  
LESTARI**

---

“

---

**MEMASTIKAN TIADA SESIAPA  
KETINGGALAN MELALUI  
PENYETEMPATAN MATLAMAT  
PEMBANGUNAN LESTARI**

---

”





# AHLI JAWATANKUASA APPGM-SDG (PARLIMEN KE-14)

(Sehingga 10 Oktober 2022 apabila Parlimen dibubarkan)



**YB Dato' Sri  
Rohani Abdul Karim**

Pengerusi

Ahli Parlimen Batang Lupar P201

**GPS**



**YB Puan  
Maria Chin Abdullah**

Timbalan

Ahli Parlimen Petaling Jaya P105

**PKR**



**YB Tuan  
William Leong Jee Keen**

Setiausaha

Ahli Parlimen Selayang P097

**PKR**



**YB Tuan  
Kelvin Yii Lee Wuen**

Bendahari

Ahli Parlimen  
Bandar Kuching P195

**DAP**



**YB Tuan  
Wong Tack**

Ahli

Ahli Parlimen Bentong P034

**DAP**



**YB Senator Datuk  
Paul Igai**

Ahli

Ahli Dewan Negara

**PDP**



**YB Tuan  
Haji Ahmad Hassan**

Ahli

Ahli Parlimen Papar P045

**WARISAN**



**YB Tuan  
Ahmad Fadhli Shaari**

Ahli

Ahli Parlimen Pasir Mas P057

**PAS**


# MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA APPGM - SDG

**Jadual 1:** Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG

Bil.	Mesyuarat Jawatankuasa	Tarikh	Mod / Lokasi
1	Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 1/22	13 Januari 2022	Mesyuarat Zoom
2	Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 2/22	22 Mac 2022	Hibrid (Pejabat Sekretariat APPGM-SDG) & Zoom
3	Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 3/22	13 Jun 2022	Mesyuarat Zoom
4	Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 4/22	25 Julai 2022	Hibrid (Bilik Ahli Parlimen Batang Lupar, Parlimen Malaysia) & Zoom
5	Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 5/22	8 Ogos 2022	Mesyuarat Zoom
6	Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 6/22	22 Ogos 2022	Mesyuarat Zoom
7	Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 7/22	7 September 2022	Mesyuarat Zoom
8	Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 8/22	22 September 2022	Mesyuarat Zoom
9	Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 9/22	3 Oktober 2022	Bilik Mesyuarat 5, Aras 4, Bangunan MP Parlimen Malaysia
10	Kelulusan bertulis untuk projek penyelesaian dan program	9 Oktober 2022	Jawatankuasa APPGM-SDG telah memberi kelulusan bertulis untuk projek dan program seterusnya bagi tahun 2022

# PENYETEMPATAN SDG

## 2020




# DI 57 LOKASI SEHINGGA 2022



## SABAH

Kota Belud, Papar, Libaran, Pensiangan, Tawau, Beaufort, Tenom, Kalabakan, Keningau, Lahad Datu



## SARAWAK

Selangau, Hulu Rajang, Batang Lupar, Batang Sadong, Bandar Kuching, Tanjong Manis, Igan, Baram, Kota Samarahan, Betong, Serian

# AHLI JAWATANKUASA APPGM-SDG (PARLIMEN KE-15)

*(Senarai nama telah dicalonkan oleh Ahli-ahli Parlimen sewaktu sidang pertama Parlimen ke-15 pada 18-19 Disember 2022)*



**YB Puan  
Munirah Majilis**

Pengerusi  
Ahli Parlimen Kota Belud P169  
**Warisan**



**YB Dato' Sri  
Saifuddin Abdullah**

Timbalan  
Ahli Parlimen Indera Mahkota P082  
**Bersatu**



**YB Tuan  
William Leong Jee Keen**

Setiausaha  
Ahli Parlimen Selayang P097

**PKR**



**YB Tuan  
Kelvin Yii Lee Wuen**

Bendahari  
Ahli Parlimen  
Bandar Kuching P195

**DAP**



**YB Tuan  
Awang Hashim**

Ahli  
Ahli Parlimen Pendang P011

**PAS**



**YB Senator Datuk  
Paul Igai**

Ahli  
Ahli Dewan Negara

**PDP**



**YB Puan  
Rodiyah Sapiee**

Ahli  
Ahli Parlimen Batang Sadong P200  
**GPS**



**YB Datuk  
Zahari Kechik**

Ahli  
Ahli Parlimen Jeli P030  
**BERSATU**



**YB Tuan  
Ahmad Fadhli Shaari**

Ahli  
Ahli Parlimen Pasir Mas P022  
**PAS**

**B A H A G I A N**

**02**

**PERIHAL SEKRETARIAT**

---

# TAHUN 2022: TAHUN BAHARU BAGI MEMACU MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI DI PERINGKAT AKAR UMBI

Laporan tahunan 2022 memberikan tumpuan kepada lima bidang utama. Pada dasarnya, ia merupakan tahun ketiga penglibatan dan penyatuan peringkat kawasan Parlimen. Ia dapat dilihat dengan jelas, melalui penambahan dana yang diterima, peningkatan bilangan kawasan Parlimen dilawati dan bilangan projek solusi SDG yang dijalankan.

Kami melangkah ke peringkat antarabangsa dengan penyertaan aktif bersama Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dan pada masa yang sama berjaya mendapat sokongan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan di peringkat Pejabat Daerah.

Lima tema utama yang merekodkan pencapaian APPGM-SDG bagi tahun 2022, adalah seperti berikut :

- Konsolidasi gerak kerja penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen
- Analisa mendalam melalui laporan-laporan pemetaan isu, analisa situasi dan Persidangan SDG di peringkat kebangsaan
- Pengukuhan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan di peringkat daerah, negeri dan persekutuan
- Keterlihatan APPGM-SDG yang lebih baik di peringkat global
- Kesyukuran gerak kerja ketika pembubaran Parlimen ke-14 dan permulaan Parlimen ke-15



## Pertama, Tahun 2022 Menyaksikan Konsolidasi Gerak Kerja Penyetempatan SDG di Kawasan Parlimen

Bagi tahun 2022, kerja kami tertumpu kepada konsolidasi penyetempatan SDG di peringkat kawasan Parlimen seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2**. Dalam tempoh tiga tahun sahaja, kami melihat penyertaan seramai 57 orang Ahli Parlimen. Usaha dwi-partisan dapat dilihat melalui bukti yang jelas, di mana penyertaan beberapa nama dalam jawatankuasa APPGM-SDG dan sekali gus penglibatan dari peringkat akar umbi yang menyokong inisiatif SDG sejak sesi Parlimen ke-14 lagi.

Pada tahun 2022, seramai 27 orang Ahli Parlimen telah menyertai aktiviti pemetaan dan pasukan kami telah mengadakan lawatan ke kawasan-kawasan Parlimen tersebut. Kami mendapat peruntukan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM 10 juta melalui sokongan Kementerian Kewangan dan dengan usaha Ahli-ahli Parlimen, yang membuat rayuan terus kepada YB Menteri Kewangan untuk peruntukan semasa perbahasan Belanjawan 2022.

Tahun 2022 juga menyaksikan pertambahan kakitangan yang diambil bekerja bagi menampung pertambahan kerja. Selepas dua tahun beroperasi tanpa pejabat, urusetia telah berjaya mendapat ruang pejabat untuk disewa di 8 Avenue, Petaling Jaya daripada hartanah Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Peningkatan peruntukan telah membolehkan kami memperbesarkan program SDG di peringkat akar umbi. Ia dapat dilihat dalam bilangan projek solusi, bilangan penerima manfaat dan bilangan rakan pelaksana projek solusi yang menjalankan program SDG di peringkat akar umbi. Penambahan peruntukan dapat dilihat dalam **Jadual 2**, dan maklumat lanjut bersama gambar projek-projek solusi turut disertakan dalam laporan ini.

**Jadual 2:** Peningkatan dalam Jangkauan APPGM-SDG

Tahun	2020	2021	2022
Bilangan kawasan Parlimen	10	20	27
Pembiayaan daripada Kementerian Kewangan	RM1.6 juta	RM5 juta	RM10 juta
Projek Solusi	34	87	192*
Rakan Solusi	25	78	165
Penerima Manfaat Projek Solusi	1,300	3,500	5,000
Pembinaan Kapasiti	22	2	22
Bilangan Staf Sekretariat	2	11	16

*\*Jadual ini telah dikemas kini pada 26 Jun 2023. Projek-projek dijangka siap pada pertengahan tahun 2023*



## **Kedua, Tahun 2022 Menunjukkan Analisa yang Lebih Mendalam melalui Laporan Pemetaan, Analisa Situasi dan Persidangan SDG di Peringkat Kebangsaan**

Kami menjalankan pemetaan untuk keperluan penduduk setempat di 27 Kawasan Parlimen dengan kerjasama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan di peringkat akar umbi. Data yang kami kumpulkan adalah melalui lawatan tapak dan perbualan dengan penduduk setempat melalui perbincangan kumpulan berfokus. Isu-isu ini didokumentasikan dengan baik dalam laporan ini berdasarkan hasil dapatan analisa situasi dan kajian kes yang melibatkan kumpulan sasaran tertentu yang berisiko dan terpinggir dalam kalangan masyarakat Malaysia.

## **Ketiga, Tahun 2022 Memperkukuhkan Kerjasama dengan Agensi-Agensi Kerajaan di Peringkat Daerah, Negeri dan Persekutuan.**

Kami menjalin hubungan kerja yang erat bersama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan mengambil bahagian dalam Jawatankuasa Pemandu SDG dan Jawatankuasa Eksekutif SDG. Di samping itu, pihak EPU telah menubuhkan *Poverty Circle* yang bermesyuarat setiap bulan dan dipengerusikan oleh Menteri Ekonomi.

Majlis SDG Negara bermesyuarat untuk kali pertama sejak pelancaran Majlis SDG Negara, pada 5 September 2022. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Pengerusi dan Ketua Sekretariat yang mewakili APPGM-SDG telah diberi peluang untuk membentangkan kertas kerja mengenai hasil dapatan kajian pemetaan APPGM-SDG di 57 kawasan Parlimen. Selepas proses pemetaan dilakukan di setiap kawasan Parlimen, didapati timbulnya 10 hingga 15 isu yang tidak dapat diselesaikan. Justeru, dikemukakan cadangan untuk menubuhkan pasukan khas SDG atau jawatankuasa di peringkat daerah untuk mengkaji semula hasil dapatan kajian dan mencari penyelesaian jangka panjang yang tetap.

Tahun 2022 merekodkan pertambahan dalam bilangan Pegawai Daerah (DO) dan Penolong Pegawai Daerah (ADO) yang mempengerusikan mesyuarat antara agensi di peringkat daerah. Kami mendapati interaksi yang aktif berlangsung di Parit Buntar, Beaufort, Tampin, Tebrau, Setiu, Kuantan, Gua Musang, Bera, dan Kuala Krai. Kami juga mula berinteraksi dengan baik bersama unit perancang peringkat Negeri seperti di Sabah dan Sarawak, di mana terdapat permintaan untuk menubuhkan pejabat APPGM-SDG peringkat negeri.

Penglibatan bersama pihak Kerajaan Negeri dan daerah adalah satu langkah ke hadapan yang positif dalam mendesentralisasi SDG dan juga menangani cabaran isu-isu tempatan serta menangani isu pembangunan jangka panjang.

## **Keempat, Tahun 2022 Memperlihatkan Penyertaan APPGM-SDG yang Lebih Aktif di Peringkat Global**

Peranan yang sangat aktif dimainkan di peringkat antarabangsa dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri di mana Pengerusi APPGM-SDG dan Ketua Sekretariat telah mengambil bahagian dalam Forum Politik Peringkat Tinggi (HLPF) di New York dari 5 hingga 15 Julai 2022 bersama-sama dengan dua orang Pegawai Sekretariat APPGM-SDG. Buat kali pertama semua peserta dari Malaysia telah menerima pas rasmi sebagai delegasi Malaysia.

Kami menganjurkan acara pra-SDG di Malaysia dan dua acara sampingan di New York, yang mana salah satunya adalah dalam talian dan seterusnya perbualan bersama belia secara bersemuka di Plaza PBB. Kami juga mengambil bahagian dalam Forum Antara Parlimen di mana pengerusi APPGM-SDG telah berucap. Kedua-dua Pengerusi dan Ketua Sekretariat membuat intervensi dalam sesi plenari HLPF, yang memberikan cadangan mengenai perkongsian antara kerajaan, Parlimen, dan masyarakat sivil dalam menyetempatkan SDG.

Penyertaan ini telah menunjukkan pelaksanaan yang lebih jelas mengenai kerja-kerja APPGM-SDG dalam menyetempatkan SDG dan keunikannya kerana tidak banyak negara yang mempunyai penyertaan aktif oleh Ahli-ahli Parlimen.

## **Kelima, Tahun 2022 Menyaksikan Kesinambungan Gerak Kerja APPGM-SDG ketika Pembubaran Parlimen Ke-14 dan Bermulanya Parlimen ke-15.**

Parlimen ke-14 dibubarkan pada 10 Oktober 2022 dan Pilihan Raya Umum ke-15 diadakan pada 19 November 2022. Sidang pertama Parlimen ke-15 telah berlangsung pada 19 dan 20 Disember 2022.

Ini merupakan tempoh yang mencabar bagi meneruskan agenda Penyetempatan SDG kerana Parlimen pada mulanya telah menyatakan bahawa semua APPGM mesti berhenti beroperasi pada 10 Oktober 2022. Bagaimanapun, selepas rayuan kepada YDP Speaker Parlimen dan Kementerian Kewangan, ianya telah dipersetujui bahawa walaupun APPGM-SDG dibubarkan, Sekretariat APPGM-SDG akan terus melaksanakan keputusan jawatankuasa yang diputuskan sebelum ini.

Pihak Sekretariat telah dinasihatkan untuk tidak menggunakan nama APPGM-SDG dan logo semasa tempoh interim pembubaran Parlimen. Walaubagaimanapun, kami dibenarkan menggunakan dana Kementerian Kewangan yang diperuntukkan berdasarkan keputusan awal Jawatankuasa APPGM-SDG dan mengikut garis panduan yang diluluskan. Pihak Sekretariat terus mengemukakan laporan bulanan kepada Parlimen, Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) semasa tempoh pembubaran ini.

Entiti sah Sekretariat iaitu Persatuan Promosi SDG yang menguruskan geran Kementerian Kewangan serta menggaji staf mengambil kedudukan yang jelas dalam melaksanakan peranan sebagai *care taker* dalam menjalankan program pembinaan kapasiti, seminar dan persidangan, pembayaran dan pelaksanaan projek solusi SDG yang diluluskan sebelum ini.

Berikutan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-10, pelantikan menteri-menteri Kerajaan dan YDP Speaker yang baru, Sekretariat di bawah Persatuan Promosi SDG telah memulakan perbincangan dengan YDP Speaker dan Ahli-ahli Parlimen yang baru dipilih untuk penubuhan jawatankuasa APPGM-SDG yang baharu.

Semasa sidang Parlimen pertama pada 19 dan 20 Disember 2022, kami telah mendapat persetujuan sembilan orang Ahli Parlimen untuk pembentukan APPGM-SDG dengan YB Puan Munirah Majilis, Ahli Parlimen Kota Belud sebagai Pengerusi dan YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah, Ahli Parlimen Indera Mahkota sebagai Timbalan Pengerusi.

Berdasarkan keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, kami melihat banyak perubahan dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen. Daripada 57 kawasan Parlimen, hanya 26 Ahli Parlimen daripada PRU ke-14 yang telah berjaya dilantik semula ke Sidang Parlimen ke-15. 31 daripada mereka adalah Ahli-ahli Parlimen baharu di mana kawasan mereka adalah terlibat dengan gerak kerja APPGM-SDG. Senarai penuh adalah tertera dalam **Jadual 3**.

Ini merupakan tugas baharu besar bagi Sekretariat dalam mewujudkan kesedaran di kalangan 31 orang Ahli Parlimen baharu dan memenangi keyakinan serta perkongsian mereka dalam meneruskan agenda penyetempatan SDG.

**Jadual 3:** Status Ahli-ahli Parlimen selepas PRU-15 di 57 kawasan Parlimen di mana APPGM-SDG mengendalikan gerak kerja penyetempatan SDG

Negeri	Kawasan Parlimen	Bil	Nama Ahli Parlimen	Parti	Dari PRU-14	Ahli Parlimen Baharu
<b>Perlis</b>	Kangar	1	YB Tuan Zakri Hassan	BERSATU		✓
<b>Kedah</b>	Pendang	2	YB Datuk Awang Hashim	PAS	✓	
	Kubang Pasu	3	YB Dato' Wira Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail	BERSATU		✓
	Sik	4	YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman	PAS	✓	
	Merbok	5	YB Tuan Mohd Nazri Abu Hassan	BERSATU		✓
	Jerlun	6	YB Dr. Abd Ghani Ahmad	PAS		✓
	Baling	7	YB Tuan Hassan Saad	PAS		✓
<b>Pulau Pinang</b>	Batu Kawan	8	YB Tuan Chow Kon Yeow	DAP		✓
	Permatang Pauh	9	YB Tuan Muhammad Fawwaz Mohamad Jan	PAS		✓
	Bukit Mertajam	10	YB Tuan Sim Chee Keong	DAP	✓	
<b>Perak</b>	Ipoh Barat	11	YB Tuan M.Kulasegaran A/L V.Murugeson	DAP	✓	
	Parit Buntar	12	YB Tuan Haji Mohd Misbahul Munir Masduki	PAS		✓
<b>Pahang</b>	Bentong	13	YB Puan Young Syefura Othman	DAP		✓
	Indera Mahkota	14	YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah	BERSATU	✓	
	Temerloh	15	YB Puan Hajah Salamiah Mohd Nor	PAS		✓
	Paya Besar	16	YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah	UMNO	✓	
	Kuantan	17	YB Tuan Wan Razali Wan Nor	PAS		✓
	Bera	18	YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob	UMNO	✓	

Negeri	Kawasan Parlimen	Bil	Nama Ahli Parlimen	Parti	Dari PRU-14	Ahli Parlimen Baharu
<b>Kelantan</b>	Jeli	19	YB Tuan Zahari Kechik	BERSATU		✓
	Pasir Mas	20	YB Tuan Haji Ahmad Fadhli Shaari	PAS	✓	
	Tumpat	21	YB Dato' Mumtaz Md Nawir	PAS		✓
	Gua Musang	22	YB Tuan Mohd Azizi Abu Naim	BERSATU		✓
	Kuala Krai	23	YB Tuan Abdul Latiff Abdul Rahman	PAS	✓	
<b>Terengganu</b>	Setiu	24	YB Tuan Shaharizukirnain Abd Kadir	PAS	✓	
<b>Johor</b>	Tanjung Piai	25	YB Dato' Sri Dr Wee Jeck Seng	MCA	✓	
	Muar	26	YB Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman	MUDA	✓	
	Simpang Renggam	27	YB Datuk Seri Utama Hasni Mohammad	UMNO		✓
	Tebrau	28	YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse	PKR		✓
<b>Selangor</b>	Selayang	29	YB Tuan William Leong Jee Keen	PKR	✓	
	Petaling Jaya	30	YB Tuan Lee Chean Chung	PKR		✓
	Kuala Selangor	31	YB Datuk Seri Dr Dzulkefly Bin Ahmad	AMANAHAH	✓	
	Sungai Buloh	32	YB Dato' Ramanan Ramakrishnan	PKR		✓

Negeri	Kawasan Parlimen	Bil	Nama Ahli Parlimen	Parti	Dari PRU-14	Ahli Parlimen Baharu
Kuala Lumpur	Lembah Pantai	33	YB Tuan Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil	PKR	✓	
	Cheras	34	YB Tuan Tan Kok Wai	DAP	✓	
Negeri Sembilan	Tampin	35	YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa	UMNO		✓
Melaka	Tangga Batu	36	YB Tuan Haji Bakri Jamaluddin	PAS		✓
Sabah	Papar	37	YB Datuk Armizan Mohd Ali	BERSATU		✓
	Pensiangan	38	YB Datuk Arthur Joseph Kurup	PBRIS	✓	
	Tawau	39	YB Tuan Lo Su Fui	PBS		✓
	Kota Belud	40	YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis@Fakharudy	WARISAN	✓	
	Beaufort	41	YB Datuk Siti Aminah Aching	UMNO		✓
	Keningau	42	YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan	STAR	✓	
	Kalabakan	43	YB Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy	UMNO		✓
	Tenom	44	YB Tuan Riduan Rubin	BEBAS		✓
	Lahad Datu	45	YB Dato' Mohammad Yusof Apdal	WARISAN		✓
	Libaran	46	YB Datuk Suhaimi Nasir	UMNO		✓

Negeri	Kawasan Parlimen	Bil	Nama Ahli Parlimen	Parti	Dari PRU-14	Ahli Parlimen Baharu
Sarawak	Kuching	47	YB Dr. Kelvin Yii Lee Wuen	DAP	✓	
	Batang Sadong	48	YB Puan Rodiyah Sapiee	PBB		✓
	Selangau	49	YB Tuan Edwin Anak Banta	PRS		✓
	Batang Lupar	50	YB Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli	PBB		✓
	Hulu Rajang	51	YB Datuk Ugak Anak Kumbong	GPS-PRS	✓	
	Serian	52	YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem	GPS- SUPP	✓	
	Betong	53	YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri	PBB		✓
	Kota Samarahan	54	YB Datuk Rubiah Wang	GPS-PBB	✓	
	Baram	55	YB Dato Anyi Ngau	GPS-PDP	✓	
	Tg. Manis	56	YB Tuan Yusuf Abd Wahab	GPS-PBB	✓	
	Igan	57	YB Tuan Haji Ahmad Johnie Bin Zawawi	GPS-PBB	✓	
<b>JUMLAH</b>					<b>26</b>	<b>31</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>57</b>

# SEKRETARIAT



**Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria**

Ketua  
Sekretariat  
APPGM-SDG



**Nur Rahmah Othman**

Pegawai  
Eksekutif  
(Operasi &  
Inisiatif Khas)



**Anthony Tan Kee Huat**

Pegawai  
Eksekutif  
(Kewangan &  
Tugas Khas)



**K. Eruthairaj A/L Kulanthaisamy (James Raj)**

Pegawai  
Eksekutif  
(Projek Solusi)



**Zoel Ng**

Pegawai Eksekutif  
(Rangkaian,  
Komunikasi &  
Pembangunan  
Belia)



**Dr. Teo Sue Ann**

Pegawai  
Eksekutif  
(Penyelidikan)



**Dr. Jain Yassin**

Pegawai Penyelidik  
& Solusi (Sabah)



**Assoc. Prof. Dr. Zaimuariffudin Shukri Nordin**

Pegawai Penyelidik  
& Solusi (Sarawak)



**Paniirselvam Jayaraman**

Pegawai  
Pengurusan Projek  
(Rangkaian &  
Penilaian)



**Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim**

Pegawai  
Penyelidik &  
Solusi (Zon Timur)



**Oswald Timothy**

Pegawai  
Penyelidik &  
Solusi (Zon  
Selatan)



**Ain Nasiehad Amiruddin**

Pegawai  
Penyelidik & Solusi  
(Zon Tengah)



**Farah Hanim Mohd Sharif**

Pegawai  
Penyelidik &  
Solusi (Zon Utara)



**Pavithra A/P Sukumaran**

Pegawai Pengurusan  
Projek (Kemiskinan &  
Mobilisasi Komuniti)



**Nik Heidzir Nik Kamaruzzamr**

Pegawai Pembantu  
(Operasi)



# SENARAI MESYUARAT DAN ACARA YANG DIHADIRI APPGM-SDG PADA TAHUN 2022

**Jadual 4:** Senarai Mesyuarat dan Acara dihadiri APPGM-SDG

Bil	Mesyuarat	Tarikh
<b>Bersama Agensi Kerajaan / Badan Rasmi</b>		
1	<i>Poverty Circle</i> Bil 1 (Anjuran EPU)	20 Januari 2022
2	Mesyuarat UNDP Bersama Jawatankuasa & Sekretariat APPGM-SDG	25 Februari 2022
3	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja – NGO Bil 1 (2022) (Dipengerusikan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria)	15 Mac 2022
4	Mesyuarat Bersama Pesuruhjaya Tinggi British, TYT Charles Hay	17 Mac 2022
5	Mesyuarat Bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed (Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi))	23 Mac 2022
6	Mesyuarat Teknikal Unit Perancang Ekonomi (EPU) -SDG	30 Mac 2022
7	Mesyuarat Bersama Yayasan Hasanah mengenai Potensi dalam Kerjasama	1 April 2022
8	Mesyuarat Bersama Unit Perancang Ekonomi (EPU) – Penyetempatan SDG dan Perkembangan terkini	12 April 2022
9	Mesyuarat Bersama UPEN Sarawak - Penyetempatan SDG di Sarawak	19 April 2022
10	Mesyuarat Bersama YDP Speaker Dewan Rakyat (YB Tan Sri Azhar Azizan Harun)	29 April 2022
11	<i>Poverty Circle</i> Bil 2 (Anjuran EPU)	13 Mei 2022
12	Mesyuarat Bersama Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Sabah – Penyetempatan SDG di Sabah	20 Mei 2022
13	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SDG	31 Mei 2022
14	Mesyuarat Bersama Jabatan Perancangan dan Penyelarasan Dasar (Kementerian Luar Negara)	8 Jun 2022
15	Mesyuarat Bersama <i>United Nations University International Institute for Global Health</i> (UNU-IIGH)	8 Jun 2022
16	<i>Poverty Circle</i> Bil 3 (Anjuran EPU)	28 Jun 2022
17	Mesyuarat Bersama UPEN Sarawak	25 Julai 2022
18	Mesyuarat Bersama Kementerian Kewangan (MOF), untuk belanjawan APPGM-SDG bagi tahun 2023	5 Ogos 2022

Bil	Mesyuarat	Tarikh
<b>Bersama Agensi Kerajaan / Badan Rasmi</b>		
19	<i>Poverty Circle</i> Bil 4 (Anjuran EPU)	2 Ogos 2022
20	Mesyuarat Bersama Puan Karima El Korri dan Pasukan (UNCT), mengenai Usaha Perkongsian dan Kerjasama	11 Ogos 2022
21	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja - NGO Bil 2 (2022) (Dipengerusikan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria)	15 Ogos 2022
22	Perjumpaan Bersama Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, TYT Brian McFeeters	25 Ogos 2022
23	Mesyuarat Majlis Perundangan Mengenai Dasar Luar Negeri (CCFP)	1 September 2022
24	Mesyuarat Majlis SDG dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri	5 September 2022
25	Mesyuarat Bersama YDP Speaker Dewan Rakyat (YB Tan Sri Azhar Azizan Harun)	14 September 2022
26	<i>Poverty Circle</i> Bil 5 (Anjuran EPU)	27 September 2022
27	Mesyuarat Bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Unit Perancang Ekonomi	4 Oktober 2022
28	Lawatan Y.Bhg Dato' Sri Mustapa Mohamed, Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Unit Perancang Ekonomi ke pejabat Sekretariat APPGM-SDG	29 November 2022
29	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SDG Malaysia	12 Disember 2022
30	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja - NGO Bil 3 (2022) (Dipengerusikan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria)	13 Disember 2022
31	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal SDG	22 Disember 2022
<b>Bersama Ahli-ahli Parlimen</b>		
32	Taklimat Dasar Gender: Rang Undang-undang Anti-Gangguan Seksual 2021	15 Mac 2022
33	Siri Taklimat SDG kepada Ahli Parlimen: Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas 2020, mengenai Aduan Salah Laku Polis	17 Mac 2022
34	Mesyuarat mengenai Miskin Bandar B40	23 Mac 2022
35	Forum SDG ke -2 (Dianjurkan oleh Ahli-ahli Parlimen untuk Matlamat Global)	22 April 2022

Bil	Mesyuarat	Tarikh
<b>Perbincangan, Sidang Kemuncak &amp; Persidangan</b>		
36	Perbincangan Mengenai Sektor Ke-3 bersama Y.Bhg Tan Sri Noor Azlan Ghazali (Majlis Tindakan Ekonomi)	14 Februari 2022
37	Webinar: Negara Berpendapatan Tinggi dan Maju (Anjuran EPU)	25 Februari 2022
38	Sidang Kemuncak Kepimpinan Kelestarian Malaysia (Anjuran Institut Strategik KSI dengan Kerjasama Sekretariat APPGM-SDG dan Lain-Lain Pertubuhan)	9 Mac 2022
39	RTD: Peranan Belia Dalam Penyetempatan SDG	22 Mac 2022
40	Sidang Kemuncak SDG Belia	11 Jun 2022
41	Perbincangan Meja Bulat Mengenai Kemiskinan Bandar yang Tertumpu kepada PPR	27 September 2022
42	Persidangan SDG tahun 2022	25 November 2022
43	Perbincangan Bersama: Agenda Pembangunan Pasca PRU-15 dalam Membina Semula Malaysia Berasaskan Dasar Perpaduan Negara dan Agenda Matlamat Pembangunan Lestari 2030, di ISIS Malaysia.  Y.Bhg Prof Datuk Dr Denison Jayasooria, Membentangkan Kertas Kerja untuk Perbincangan	1 Disember 2022
44	Dialog Masyarakat Sivil Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN)	16 Disember 2022

**B A H A G I A N**

**03**

**PEMETAAN ISU & POLISI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN  
LESTARI**

---

# PEMETAAN ISU TEMPATAN DAN LAWATAN TAPAK

Pada tahun 2022, kami berpegang teguh kepada prinsip SDG iaitu “Tiada Sesiapa Ketinggalan” dalam pendekatan penyelidikan. Kami terus melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dan meningkatkan skop penyelidikan untuk isu-isu tematik dengan memberikan tumpuan kepada bagaimana isu-isu ini mempengaruhi kumpulan sasaran tertentu. Pengembangan ini telah membolehkan kami mengumpul data kualitatif secara kontekstual dan empirikal. Melalui pengalaman penyelidikan, kami dapat menghargai kepentingan utama penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk penglibatan langsung masyarakat akar umbi dalam penyetempatan SDG.

Proses penyelidikan untuk penyetempatan SDG pada tahun 2022 adalah sama dengan tahun sebelumnya. Kami memulakan proses penyetempatan dengan pemetaan isu di 27 kawasan Parlimen baharu. Aktiviti pemetaan ini melibatkan komuniti setempat dan pemimpin mereka, Ahli Parlimen, NGO dan agensi-agensi kerajaan di peringkat tempatan. Selain itu, penyelidik APPGM-SDG menekankan komuniti yang terpinggir seperti ibubapa tunggal, orang kurang upaya, belia B40, penduduk kampung, peneroka yang tinggal di kawasan luar bandar serta pedalaman, penduduk setinggan, mereka yang tidak mempunyai kerakyatan dan pelarian.



## Sesi Libat Urus Bersama Parlimen

Sama seperti dua tahun sebelum ini, proses pemetaan isu bermula dengan melibatkan Ahli Parlimen bagi mendapatkan profil kawasan masing-masing. Profil ini memperkenalkan isu-isu sosial, ekonomi, dan alam sekitar daripada perspektif Ahli Parlimen. Kemudian, kami mengadakan lawatan tapak selama tiga hari ke kawasan-kawasan Parlimen. Semasa lawatan tapak, para penyelidik berjumpa dengan kumpulan B40 dan golongan rentan seperti Orang Asli di Semenanjung, orang kurang upaya, warga emas, dan ibubapa tunggal yang mempunyai tahap sosio-ekonomi yang rendah. Kami juga melawat kumpulan utama untuk memastikan pembangunan lestari negara seperti belia, petani, nelayan, generasi pertama dan seterusnya peneroka FELDA, usahawan tempatan dan pemegang perniagaan kecil. Selain itu, penyelidik APPGM-SDG juga meneroka isu-isu tematik lain seperti banjir, kekurangan bekalan air bersih yang terawat dan sanitasi, pemuliharaan dan pemeliharaan warisan.

Pada hari ketiga, kami menjemput semua agensi kerajaan di peringkat tempatan, termasuk Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pejabat Daerah dan Majlis Tempatan, untuk mesyuarat antara agensi. Mesyuarat itu bagi memahami halangan dan cabaran yang dihadapi agensi-agensi kerajaan dalam mencari penyelesaian lestari bagi isu-isu yang dibangkitkan oleh agensi-agensi kerajaan. Dalam mesyuarat itu, kami membentangkan isu-isu yang telah kami kumpulkan dengan kumpulan komuniti yang berbeza dan mendapatkan respon-respon dan input lanjut daripada agensi.

Untuk memastikan keterangkuman dan membolehkan para peserta menyuarakan isu mereka secara langsung, semua perbincangan semasa proses pemetaan isu direkodkan dengan persetujuan peserta. Perbincangan ini kemudiannya ditranskripsikan dan didokumenkan dalam laporan pemetaan isu. Transkrip membolehkan pembaca membaca naratif peserta sewaktu mereka menerangkan isu. Penyelidik APPGM-SDG telah menyelesaikan proses pemetaan isu bagi 27 kawasan Parlimen pada bulan September 2022.



## Kawasan Parlimen Yang Telah Dilawati Pada Tahun 2022

**Jadual 5** menyenaraikan Kawasan Parlimen dan tarikh lawatan tapak bagi tahun 2022. Sebelum Parlimen ke -14 dibubarkan, pihak Sekretariat telah menambah Parlimen Bera di atas permintaan Perdana Menteri YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob semasa mesyuarat Majlis SDG Kebangsaan yang diadakan pada 5 September 2023.

**Jadual 5:** Senarai Kawasan Parlimen dan Tarikh Lawatan Tapak (Tahun 2022)

Rantau	Negeri	Bil.	Kawasan Parlimen	Tarikh Lawatan Tapak
Utara	Perlis	1	Kangar	28 - 30 Mac 2022
	Kedah	2	Jerlun	8 - 10 April 2022
		3	Merbok	10 - 12 Mei 2022
	Pulau Pinang	4	Bukit Mertajam	29, 30 Jun & 1 Julai 2022
	Perak	5	Parit Buntar	18 & 20 Februari 2022
Pusat	Selangor	6	Sungai Buloh	19 - 21 Mac 2022
		7	Cheras	27 - 30 Mei 2022
Selatan	Negeri Sembilan	8	Tampin	25 - 27 Mac 2022
	Johor	9	Tebrau	23 - 25 April 2022
	Melaka	10	Tangga Batu	18 - 20 April 2022
Pantai Timur	Kelantan	11	Gua Musang	26 - 28 Mei 2022
		12	Kuala Krai	22 - 24 April 2022
	Terengganu	13	Setiu	15 - 18 Julai 2022
	Pahang	14	Kuantan	12 - 14 April 2022
		15	Paya Besar	27 - 29 Ogos 2022
		16	Bera	24 - 26 September 2022
Sabah		17	Beaufort	27 - 29 Mei 2022
		18	Tenom	17 - 19 Mei 2022
		19	Kalabakan	13 - 15 Mei 2022
		20	Keningau	12 - 14 Julai 2022
		21	Lahad Datu	1 - 3 Oktober 2022
Sarawak		22	Tanjong Manis	23 - 25 Mei 2022
		23	Igan	26 - 28 Mei 2022
		24	Baram	12 - 14 Ogos 2022
		25	Kota Samarahan	5 - 7 September 2022
		26	Betong	7 - 9 Julai 2022
		27	Serian	27 - 29 September 2022

## Ahli-ahli Parlimen tahun 2022 dan Kawasan Parlimen



**YB Tuan Noor Amin Ahmad**

MP of Kangar  
P002

**PKR**



**YB Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun. Dr. Mahathir**

MP of Jerlun  
P005

**PEJUANG**



**YB Puan Nor Azrina Surip**

MP of Merbok  
P014

**PKR**



**YB Tuan Abdul Latiff Abdul Rahman**

MP of Kuala Krai  
P031

**PAS**



**YB Tengku Razaleigh Hamzah**

MP of Gua Musang  
P032

**UMNO**



**YB Tuan Shahrizukir Abd Kadir**

MP of Setiu  
P034

**PN**



**YB Tuan Sim Chee Keong**

MP of Bukit Mertajam  
P045

**DAP**



**YB Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa**

MP of Parit Buntar  
P057

**AMANAH**



**YB Puan Fuziah Salleh**

MP of Kuantan  
P083

**PKR**



**YB Dato' Indera Mohd Shahrar Abdullah**

MP of Paya Besar  
P084

**UMNO**



**YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob**

MP of Bera  
P090

**BN**



**YB Tuan Sivarasa Rasiah**

MP of Sungai Buloh  
P107

**PKR**



**YB Tuan Tan Kok Wai**

MP of Cheras  
P123

**PH**



**YB Datuk Dr Hasan Bahrom**

MP of Tampin  
P133

**AMANAH**



**YB Puan Rusnah Aluai**

MP of Tangga Batu  
P136

**PKR**





**YB Tuan  
Steven Choong  
Shiau Yoon**

MP of Tebrau  
P158

**INDEPENDENT**



**YB Datuk Seri  
Panglima Hajah Azidah  
Datuk Seri Panglima  
Haji Mohd Dun**

MP of Beaufort  
P177

**BERSATU**



**YB Datuk Seri  
Panglima Dr  
Geoffrey Kitingan**

MP of Keningau  
P180

**STAR**



**YB Puan  
Noorita Sual**

MP of Tenom  
P181

**DAP**



**YB Datuk  
Mohamaddin Ketapi**

MP of Lahad Datu  
P188

**PBS**



**YB Tuan  
Ma'mun Sulaiman**

MP of Kalabakan  
P191

**WARISAN**



**YB Datuk  
Rubiah Wang**

MP of Kota Samarahan  
P197

**PBB**



**YB Dato' Sri Dr  
Richard Riot Anak Jaem**

MP of Serian  
P199

**SUPP**



**YB Datuk Robert  
Lawson Chuat**

MP of Betong  
P204

**PBB**



**YB Tuan Haji Yusuf  
Abdul Wahab**

MP of Tg Manis  
P206

**PBB**



**YB Tuan Haji Ahmad  
Johnie Haji Zawawi**

MP of Igan  
P207

**PBB**



**YB Tuan Anyi Ngau**

MP of Baram  
P220

**PRS**

# Kawasan Parlimen yang Dilawati pada 2022

## KANGAR | P002

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 28 - 30 MAR 2022



## JERLUN | P005

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 8 - 10 APR 2022



## MERBOK | P014

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 10 - 12 MEI 2022



## KUALA KRAI | P031

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 22 - 24 APR 2022



## GUA MUSANG | P032

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 26 - 28 APR 2022



## SETIU | P034

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 15 - 18 JUL 2022



## BUKIT MERTAJAM | P045

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 29, 30 JUN & 1 JUL 2022



## PARIT BUNTAR | P057

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 18 - 20 FEB 2022



## KUANTAN | P083

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 12 - 14 APR 2022



## PAYA BESAR | P084

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 27 - 29 OGOS 2022



## BERA | P090

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 24 - 26 SEP 2022



## SUNGAI BULOH | P107

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 19 - 21 MAR 2022



## CHERAS | P123

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 27 - 30 APR 2022



## TAMPIN | P133

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 25 - 27 MAR 2022



## TANGGA BATU | P136

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 18 - 20 APR 2022



## TEBRAU | P158

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 23 - 25 APR 2022



## BEAUFORT | P177

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 27 - 29 APR 2022



## KENINGAU | P180

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 12 - 14 JUL 2022



## TENOM | P181

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 17 - 19 APR 2022



## LAHAD DATU | P188

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 1 - 3 OKT 2022



## KALABAKAN | P191

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 13 - 15 APR 2022



## KOTA SAMARAHAN | P197

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 5 - 7 SEP 2022



## SERIAN | P199

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 27 - 29 SEP 2022



## BETONG | P204

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 7 - 9 JUL 2022



## TANJONG MANIS | P206

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 23 - 25 APR 2022



## IGAN | P207

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 26 - 28 APR 2022



## BARAM | P220

LAWATAN TAPAK BERTARIKH 12 - 14 OGOS 2022



# ISU-ISU POLISI BERKAITAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI

## Analisa Situasi

Selain laporan pemetaan isu, penyelidik APPGM-SDG juga menghasilkan dua laporan penting daripada data empirikal yang dikumpul daripada proses pemetaan isu.

Pertama, kami melibatkan diri dengan ahli akademik, penyokong dan pakar dalam menganalisis situasi isu-isu yang terdapat di 27 kawasan Parlimen. Mereka ditugaskan untuk memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang pelbagai dan kontekstual yang diketengahkan oleh kumpulan-kumpulan yang dikenal pasti. Melalui inisiatif ini, tujuh laporan analisa situasi telah dihasilkan. Setiap satu daripada tujuh laporan memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran tertentu.

## Orang Asli



Di lima kawasan Parlimen yang telah dilawati, isu-isu untuk Orang Asli timbul secara ketara. Isu-isu ini terdiri daripada pengangguran, penghijrahan bandar, kemiskinan, pengurangan akses pendidikan dan penjagaan kesihatan serta penyalahgunaan dadah dan jenayah. Dalam laporan analisa situasi ini, kami mensintesis penemuan kepada tiga isu utama: Pertama, ekonomi, alam sekitar, dan hak tanah; Kedua, infrastruktur dan pendidikan; dan Ketiga: belia dan pekerjaan. Persamaan antara isu-isu ini tidak semata-mata terhad kepada konteks tempatan tetapi merupakan isu-isu sistemik dan struktur di seluruh negara, di mana perjuangan seharian dan kesukaran dihadapi oleh OA adalah suatu situasi yang bergejala.

## Kumpulan B40

Dalam menegakkan prinsip “Tiada Sesiapa Ketinggalan” APPGM-SDG sering menekankan komuniti B40 dalam proses pemetaan isu. Laporan ini membincangkan kepelbagaian komuniti B40 melampaui perbezaan etnik dan kumpulan umur. Untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pembangunan lestari di Malaysia, kami menggesa pemahaman yang lebih nuansa tentang realiti kehidupan mereka yang pelbagai, tidak kira jantina, pekerjaan, kawasan hidup (bandar atau luar bandar) dan juga persekitaran hidup.



## Nelayan Yang Berskala Kecil



Nelayan berskala kecil merupakan satu lagi sektor yang penting untuk mengekalkan keterjaminan makanan di Malaysia. Dalam laporan ini, kami menganalisis kelemahan dalam pengawalseliaan industri dan cabaran yang mengancam mata pencarian nelayan berskala kecil. Ini termasuk pukut tunda yang mencerooboh secara haram di zon penangkapan ikan pantai, kesukaran mendapatkan lesen, amalan penguatkuasaan yang tidak konsisten, pencemaran dan teknologi terkini. Laporan yang disediakan memberikan beberapa cadangan untuk menangani cabaran-cabaran yang akan membantu Malaysia memenuhi kewajipannya di bawah beberapa Matlamat Pembangunan Lestari.

## Petani Padi

Petani padi merupakan antara penjaga bagi memastikan keterjaminan makanan negara. Daripada isu-isu yang dikenalpasti di 12 kawasan Parlimen, kami mengetengahkan isu-isu praktikal yang telah dikongsi oleh petani. Naratif mereka membongkar implikasi regulasi berlebihan di dalam industri padi, pergantungan kepada subsidi kerajaan, kawalan harga monopoli, penyampaian perkhidmatan yang lemah, penyelidikan dan pembangunan yang tidak mencukupi, kekurangan pemasaran dan hubungan dengan rantai bekalan, infrastruktur yang lemah, ketidaktentuan tempoh tanah, dan kenaikan mendadak harga input. Kami menggesa semakan dan pengubahsuaian keseluruhan strategi untuk dasar sara diri makanan dan struktur keseluruhan pengeluaran pertanian, dan pembaharuan institusi untuk meningkatkan perkhidmatan penghantaran.



## Penduduk PPR

Laporan analisa situasi ini membincangkan cabaran asas Program Perumahan Rakyat (PPR) (atau perumahan kos rendah jenis rumah pangsa), terutamanya memberi tumpuan kepada infrastruktur yang tidak mencukupi, penyelenggaraan yang lemah dan jarang berlaku, dan masalah sosial yang berleluasa. Analisa menunjukkan bahawa cabaran ini bukan sahaja endemik, malah mengekalkan kitaran yang memperhebatkan cabaran yang dihadapi oleh penduduk berpendapatan rendah. Laporan ini menyelidiki halangan struktur dan sistemik yang lebih luas yang menyumbang kepada cabaran ini untuk memberikan gambaran keseluruhan kehidupan di perumahan awam kos rendah Malaysia.



## Ibu dan Bapa Tunggal

Ibu dan bapa tunggal adalah terkait isu jantina yang penting. Walaupun terdapat data yang semakin meningkat tentang isi rumah yang diketuai wanita atau ibu tunggal, data mengenai bapa tunggal juga lebih komprehensif untuk memahami situasi mereka. Laporan ini membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh ibu dan bapa tunggal. Kami membentangkan naratif mereka tentang kehidupan yang tidak selamat, memikul pelbagai tanggungjawab penjagaan, mengalami tekanan mental, dan perlindungan sosial dan perlindungan sokongan yang lemah dan tidak dapat diakses. Kami mengesyorkan pengukuhan perlindungan sosial untuk mengurangkan kesan berbahaya kepada ibu dan bapa tunggal akan mengukuhkan sistem sokongan dan memperkasa mobiliti sosial mereka.



## Warga Emas

Malaysia mempunyai kadar penuaan yang pantas dan berada di landasan untuk menjadi negara yang menua menjelang 2030, dengan unjuran 15.3% daripada penduduk berumur 60 tahun ke atas. Dengan data kualitatif daripada pemetaan isu APPGM-SDG, kami mengkaji isu yang saling berkaitan seperti cabaran kewangan, sistem penjagaan kesihatan semasa dan persekitaran fizikal dan sosial yang tidak kondusif untuk warga emas. Di samping itu, dengan pendekatan bawah-ke-atas dalam proses pemetaan isu, kami menyerlahkan bahawa populasi yang semakin tua bukanlah kumpulan yang homogen kerana latar belakang dan pengalaman mereka berbeza secara meluas. Oleh itu, kami mencadangkan penyelesaian pragmatik dengan analisa isu dan cabaran peringkat tempatan yang lebih mendalam dalam kalangan warga emas.



## Kajian Kes

Hasil kedua proses pemetaan isu ialah analisis lanjut mengenai isu ini di peringkat tempatan. Kami memilih tempat dan isu tertentu untuk menjalankan penyelidikan yang lebih mendalam. Para penyelidik telah menghasilkan tujuh kajian kes daripada hasil inisiatif ini, antaranya meliputi lokaliti di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

APPGM-SDG menempa kejayaan dalam pemetaan isu-isu mengenai Taman Geo Kebangsaan. Oleh itu, selain enam kajian kes pertama, kita juga telah menjemput Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Taman Geo Kebangsaan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk membincangkan isu-isu di Taman Geo Jerai di Merbok, Kedah.

Melalui penyelidikan yang lebih mendalam, setiap kajian kes membayangkan isu nasional yang lebih menekan dan penting. Berikut adalah senarai tujuh kajian kes dengan tumpuan khusus pada lokaliti di negeri-negeri yang berbeza serta isu yang berkait :

### **Serian, Sarawak:**

Kajian kes ini memberi tumpuan kepada implikasi keselamatan sempadan kepada penduduk Kampung Mongkus melalui realiti hidup mereka yang tinggal di sempadan Malaysia-Kalimantan. Melalui pemerhatian penduduk kampung, jelas bahawa lokaliti kampung ini bukan sahaja menyebabkan isu sosial dan ekonomi bagi penduduk kampung tetapi juga membentuk kehidupan harian dan aktiviti ekonomi mereka. Dimensi percanggahan isu-isu yang diketengahkan dalam kajian kes menyerlahkan kerumitan keselamatan sempadan dari perspektif bawah-ke-atas, yang boleh menyumbang kepada wacana dasar yang sedia ada.

### **Tenom, Sabah:**

Kajian kes ini bertumpukan Kampung Pangi, sebuah kampung terpencil yang boleh diakses dengan keretapi yang hanya menjalankan satu perjalanan pulang setiap hari. Tempoh perjalanan keretapi ke bandar terdekat memerlukan kira-kira 45 minit. Oleh kerana topografi kampung, kerajaan tempatan menghadapi pelbagai halangan dalam sumber dan tenaga kerja untuk membina infrastruktur yang baik. Kajian kes Kampung Pangi memberi penerangan tentang kesukaran dan halangan yang dihadapi oleh kampung-kampung yang tinggal di kawasan pedalaman, bukan sahaja di Sabah tetapi juga di Sarawak dan Semenanjung, disebabkan kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas yang sempurna, seperti bekalan elektrik yang bersih dan terawat. Pada masa yang sama, ia juga menunjukkan kesukaran dan usaha berterusan kerajaan untuk menyediakan keperluan asas seumpama itu kepada penduduk kampung di kawasan pedalaman. Walaupun lokasinya jauh, kajian kes menunjukkan kelangsungan hidup penduduk kampung terhadap halangan dan cabaran yang mereka hadapi.

## **Pasik, Gua Musang:**

Dalam kajian kes ini, kami membesarkan skop keadaan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli. Seperti yang ditunjukkan oleh kajian kes, masyarakat Orang Asli telah mendapat sokongan dan bantuan yang cukup besar daripada Ahli Parlimen dan pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, dengan menggunakan pendekatan bawah-ke-atas, jelas bahawa bantuan dan sokongan kepada masyarakat Orang Asli bukanlah satu proses linear. Kajian kes menunjukkan kepentingan penglibatan berterusan dan kontekstual antara pihak berkuasa dan masyarakat Orang Asli melalui perbincangan dan rundingan untuk memastikan manfaat sosial dan ekonomi yang praktikal dan bersama bagi kedua-dua pihak terjalin melalui perkongsian.

## **Sungai Buloh, Selangor:**

Kajian kes ini membincangkan secara mendalam berkenaan penempatan semula penduduk Kampung Bunga Raya yang telah sedang berjalan sejak 30 tahun lalu. Ia merungkai kerumitan penempatan semula penduduk kampung terutama melibatkan pihak berkuasa tempatan dan pihak swasta. Justeru itu, ia menyerlahkan betapa perlunya perkongsian yang merangkumi semua lapisan masyarakat. Jika tidak, seperti yang ditunjukkan oleh kajian kes ini, golongan akar umbi yang terlibat secara langsung dalam proses penempatan semula akan ketinggalan dan isu penempatan semula akan menjadi isu yang tidak dapat diselesaikan.

## **Cheras, Selangor:**

Kajian kes ini berkenaan isu pembangunan berlebihan yang telah lama berlarutan dan membincangkan implikasinya terhadap kualiti hidup penduduk Taman Agung. Ia menunjukkan kualiti hidup penduduk terjejas sebagai satu pertukaran kepada perkembangan pesat persekitaran mereka. Kajian kes menekankan kepentingan proses dialog antara penduduk dan pihak berkuasa di mana implikasi isu-isu berbangkit dibincangkan.

## **Parit Buntar, Perak:**

Kajian kes ini tertumpu kepada komuniti nelayan tempatan dan usaha berterusan mereka dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hutan paya bakau di Parit Buntar. Ia menunjukkan aktivisme komuniti ini ketika mereka mendekati ahli politik dan NGO Tempatan untuk mendapatkan perhatian dan meningkatkan kesedaran tentang implikasi ekonomi dan alam sekitar apabila eksploitasi hutan paya bakau berterusan.

## **Merbok, Kedah:**

Kajian kes ini memberi tumpuan kepada Taman Geo Jerai, yang diisytiharkan sebagai Taman Geo Kebangsaan pada tahun 2017. Taman Geo ini merangkumi dua daerah dari Kuala Muda di selatan Yan dan utara Kedah. Ia menggunakan hasil dapatan kajian terdahulu untuk mengkaji potensi manfaat Taman Geo yang belum diterokai, kepada masyarakat akar umbi, seperti ibu dan bapa tunggal, warga emas, orang kurang Upaya (OKU), belia dan para nelayan. Kita juga menekankan perlunya lebih kesedaran mengenai potensi ekonomi yang menguntungkan di Taman Geo Jerai, bukan sahaja dalam kalangan orang luar malah dalam kalangan penduduk tempatan. Oleh itu, kami menyarankan pelaksanaan kempen publisiti dan kesedaran yang lebih kerap untuk memulihara dan memelihara warisan dan tapak arkeologi di Taman Geo Jerai. Seterusnya, kami juga menggalakkan strategi geo-pelancongan yang lebih lestari yang boleh meningkatkan ekonomi tempatan.

Inisiatif analisis situasi dan laporan kajian kes telah membuka peluang kepada APPGM-SDG untuk melibatkan diri dengan ahli akademik, penyokong dan ahli Perikatan CSO-SDG Malaysia. Laporan-laporan ini akan diterbitkan pada tahun 2023.

# PERSIDANGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI BAGI TAHUN 2022

Persatuan Promosi SDG telah menganjurkan Persidangan SDG Malaysia selama 3 hari dari 25 - 27 November 2022 di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya. Persidangan ini menghimpunkan seramai 80 orang peserta dan 45 orang pembentang.

Tujuan utama persidangan ini adalah untuk memberi peluang kepada aktivis CSO, penyelidik dan ahli akademik untuk mengkaji semula proses pelaksanaan SDG di Malaysia sejak awal September 2015 hingga pertengahan tahun 2022. Ianya untuk mengenal pasti pencapaian dan amalan terbaik, cabaran dan halangan serta merangka hala tuju yang jelas bagi pecutan SDG dalam tempoh tujuh tahun akan datang (2022-2030). Ia juga diharapkan dapat menjadi input kepada proses peninjauan SDG *Roadmap* Malaysia Fasa 2 (2021-2025).

- Untuk memberi input kepada proses semakan pertengahan penggal SDG (2015-2022) untuk Sidang Kemuncak SDG 2023 yang akan diadakan di Ibu Pejabat PBB pada September 2023 dan
- Menjemput 42 pembentangan yang berpotensi untuk diterbitkan sebagai artikel dalam buku baru mengenai Dasar dan Amalan SDG di Malaysia.

Persidangan SDG 2022 menyaksikan penyertaan aktif 80 orang individu, termasuk organisasi masyarakat sivil, ahli-ahli akademik dan tetamu kehormat. Kami amat berbesar hati kerana mempunyai individu yang disegani seperti YB Dato' Sri Rohani Binti Abdul Karim, Dato' Sri Saifuddin Abdullah, Encik Che Kodir Baharum, Prof. Dr. Gairuzazmi Bin Mat Ghani, Puan Karima El Korri, Tan Sri Michael Yeoh, dan YB Maria Chin Abdullah sebagai tetamu khas kami.

Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria memberikan ucap terna. Kertas kerja beliau memberikan gambaran keseluruhan perjalanan CSO dalam SDG bertajuk "Dari Advokasi kepada Tindakan: Masa Lalu dan Sekarang (2015-2022) dan Masa Depan (2023-2030)".




Persidangan ini merangkumi sembilan sesi dari pelbagai aspek pembangunan lestari. Seramai 45 orang pembentang kertas kerja dan ahli panel berkongsi kepakaran, pandangan dan hasil penyelidikan mereka melalui tema kritikal seperti SDG dan pembangunan, kemiskinan, jantina, pendidikan, alam sekitar, tiada siapa ketinggalan, kesihatan, ekonomi, keamanan dan peranan 17 matlamat SDG.

Sumbangan berharga mereka membolehkan kami meneliti pencapaian serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi dan membangunkan strategi baharu untuk tahun 2023 dan seterusnya. Sebahagian daripada komitmen kami untuk menyebarkan pengetahuan, 42 pembentangan yang berpotensi daripada persidangan itu akan diterbitkan sebagai dokumen prosiding pada awal 2023. Penerbitan ini akan berfungsi sebagai sumber berharga yang mempamerkan idea dan pandangan inovatif yang dikongsi semasa persidangan dan menggalakkan penggunaan amalan lestari.



**Tersedia dalam talian,  
muat turun di sini.**

**ISBN : 978-929-97554-1-8**





# PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKAITAN POLISI

Selama 3 tahun APPGM-SDG telah diwujudkan, kami telah berjaya mengenal pasti beberapa isu tempatan daripada komuniti di lapangan melalui lawatan tapak dan melakukan perbincangan kumpulan berfokus serta dialog. Walaubagaimanapun, disebabkan situasi Covid-19 dan disebabkan beberapa perkara yang lain, kami tidak dapat meneruskan komponen advokasi dasar untuk hasil penyelidikan 2020 dan 2021. Pada tahun 2022, kami telah merealisasikannya melalui Perbincangan Meja Bulat Dasar (PMBD) pertama dengan kerjasama ISIS Malaysia yang telah diadakan pada 2 - 4 November, 2022. Perbincangan Meja Bulat Dasar ini dibahagikan kepada 5 sesi dengan tema isu yang berbeza. Kami telah melihat penglibatan dan penyertaan yang baik daripada agensi kerajaan dan pihak berkepentingan lain dalam membincangkan isu-isu yang berkenaan.

PMBD ini telah dihadiri oleh pakar utama, pegawai utama kerajaan, organisasi antarabangsa dan pertubuhan masyarakat sivil. Dapatan daripada sesi meja bulat dasar ini dijangka dapat mengetengahkan perbahasan dasar dan memberi maklumbalas bagi tujuan pengubalan dasar di peringkat Parlimen. Objektif PMBD ini adalah:

- Menetapkan aspek – Apakah penemuan utama daripada penyelidikan APPGM-SDG? Ini adalah untuk memahami pelbagai punca yang menyebabkan beberapa isu tematik terus berlaku di peringkat tempatan. Apakah implikasi dasar dalam konteks SDG?
- Syor Dasar – Apa yang boleh kita lakukan?

Perbincangan ini merupakan satu langkah ke hadapan dalam memahami situasi semasa dan punca isu, syor dasar utama dan sistemik yang diperlukan untuk menangani isu yang berakar umbi ini secara holistik di peringkat Parlimen.



Untuk perbincangan meja bulat dasar 2022 ini, lima (5) isu tematik telah dipilih:

**Jadual 6:** Perbincangan Meja Bulat Berkaitan Dasar

Bil	Tarikh	Tajuk	Pembentang	Pembahas	Bilangan Peserta
1	2 November 2022	Kemiskinan & Pembangunan Tidak Seimbang (Infrastruktur)	Dr. Teo Sue Ann (Pegawai Eksekutif Penyelidikan APPGM-SDG)	Dr. Lin Mui Kiang (PROHAM)	Pegawai Kerajaan: 5 CSO & Pakar: 11
2	2 November 2022	Pengurusan dan Penyesuaian Risiko Banjir	Encik Ahmad Afandi (Penganalisis Kanan, ISIS Malaysia)	Dr. Salmah Zakaria (Pengerusi Jawatankuasa Air Akademi Sains Malaysia)	Pegawai Kerajaan: 7 CSO & Pakar: 11
3	3 November 2022	Pengarusutamaan Jantina & Kebajikan dan Hak Ibu Tunggal	Dr. Teo Sue Ann (Pegawai Eksekutif Penyelidikan APPGM-SDG)	Puan Omna Sreeni-Ong (Pengasas dan Pengarah Urusan ENGENDER Consultancy)	Pegawai Kerajaan: 9 CSO & Pakar: 18
4	3 November 2022	Pelarian, Migran & Hak Tanpa Negara	Dr. Zaimuariffudin Shukri Nordin (Penyelidik Sekretariat APPGM-SDG Sarawak)	Cik Lilianne Fan (Timbalan Pengerusi Rangkaian Hak Pelarian Asia Pasifik)	Pegawai Kerajaan: 6 CSO & Pakar: 11
5	4 November 2022	Keselamatan Makanan & Rantaian Bekalan Agromakanan	Encik Alizan Mahadi (Pengarah Penyelidikan Kanan, ISIS Malaysia)	Dr. John Tey (Penyelidik Kanan Institut Kajian Pertanian Tropikal dan Keterjaminan Makanan, UPM)	Pegawai Kerajaan: 2 CSO & Pakar: 9

Sumber: APPGM-SDG

Segala maklumbalas dan pandangan daripada PMBD ini akan dianalisa dan ringkasan-ringkasan dasar atau kertas-kertas strategik akan disediakan. Ringkasan-ringkasan dasar akan mengenal pasti rekomendasi yang telah dikemukakan dalam setiap sesi PMBD ini yang akan disediakan oleh pihak ISIS Malaysia dan pakar-pakar yang berkenaan di bawah kelolaan Encik Alizan Mahadi (Pengarah Kanan – Penyelidikan, ISIS Malaysia).

Ringkasan-ringkasan dasar ini akan digunakan sebagai asas kepada perbincangan serta perdebatan dasar oleh Ahli-ahli Parlimen berdasarkan isu-isu dan secara dwipartisan. Ianya juga akan digunakan melalui pelbagai platform lain sebagai satu perkongsian dapatan kepada pihak kerajaan di peringkat nasional mahupun di mana-mana platform antarabangsa.

**B A H A G I A N**

**04**

**PROJEK SOLUSI**

---

# ULASAN PROJEK SOLUSI

Projek solusi mikro SDG merupakan kunci utama dalam usaha penyetempatan SDG. Selepas pemetaan isu dan keperluan masyarakat setempat, pengutamaan isu akan dijalankan bersama beberapa projek solusi mikro untuk menangani isu jangka pendek yang telah dikenal pasti. Pihak APPGM-SDG telah menyediakan geran kecil untuk CSO, NGO dan kumpulan komuniti tempatan untuk menjalankan projek tersebut.

Di antara tahun 2020 hingga 2022, pihak APPGM-SDG telah menjalankan 313 projek solusi. Pendekatan ini telah berjaya memperkasakan komuniti tempatan untuk menjadi penggerak aktif bagi menyelesaikan isu tempatan.

**Jadual 7** menunjukkan pecahan projek yang telah dijalankan. 192 projek telah diluluskan dengan peruntukan tahun 2022, di mana 59 projek telah selesai dijalankan. Manakala, 133 projek masih lagi dijalankan setakat bulan Jun 2023. Projek-projek solusi ini dijangka untuk siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2023.

**Jadual 7:** Projek solusi yang telah dijalankan di antara tahun 2020 – 2022

Tahun	2020		2021		2022	
	Sedang Dilaksanakan	Selesai	Sedang Dilaksanakan	Selesai	Sedang Dilaksanakan	Selesai
Mengikut Status	0	34	0	87	133	59
Jumlah Mengikut Tahun		34		87		192
<b>Jumlah Besar</b>						<b>313</b>

Sumber: APPGM-SDG (Sehingga 26 Jun 2023)

## Kategori Tematik Projek Solusi

Projek-projek solusi ini dikategorikan mengikut tema SDG seperti sosial, ekonomi dan alam sekitar. Projek-projek ini telah dijalankan berdasarkan keperluan masyarakat setempat, menggunakan pendekatan bawah-ke-atas bagi memastikan suara dan cadangan masyarakat tempatan didengari.

Majoriti projek (68.8%) yang dilaksanakan adalah projek berasaskan ekonomi dengan jumlah sebanyak 132 projek. Sebahagian besar projek penajaan pendapatan dijalankan dengan tujuan untuk menangani isu kemiskinan dan ketidaksetaraan. Seterusnya, projek pembangunan sosial yang mewakili 25.5% bersamaan dengan 49 projek yang telah dijalankan. Jumlah projek berasaskan alam sekitar adalah terendah dengan 5.7% atau 11 projek.

Pecahan data ini dapat dilihat di dalam **Jadual 8**. Maklumat lanjut serta gambar-gambar berkenaan projek yang telah dijalankan dilampirkan bersama dalam laporan tahun 2022 ini.

**Jadual 8:** Tema-tema Projek Solusi (Tahun 2022)

Tema Projek	Jumlah Projek	%
Sosial	49	25.5
Ekonomi	132	68.8
Alam Sekitar	11	5.7
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>192</b>	<b>100.0</b>

Sumber: APPGM-SDG (Sehingga 26 Jun 2023)

## Membantu Pelbagai Kumpulan Sasaran

Semua 192 projek yang dilaksanakan telah memfokuskan kepada beberapa kumpulan sasaran dan komuniti yang memerlukan dengan matlamat, memastikan tiada siapa ketinggalan. Kami telah mengenal pasti 13 kumpulan sasaran seperti tertera dalam Jadual 9. Orang Asal Sabah dan Sarawak yang merupakan salah satu kumpulan rentan telah terlibat dalam 65 projek solusi iaitu 33.9% projek.

Golongan wanita juga merupakan salah satu kumpulan majoriti dengan jumlah projek sebanyak 47 iaitu 24.5% yang berfokus untuk meningkatkan kemahiran dan pemahaman semula mereka bagi mendapatkan peluang kerjaya serta memulakan perniagaan sendiri bagi menambah pendapatan serta meningkatkan kualiti hidup. Golongan wanita juga merupakan majoriti peserta yang menyertai projek solusi pihak kami di seluruh Malaysia.

Golongan belia merupakan antara kumpulan sasaran yang penting dengan jumlah 30 projek solusi iaitu 15.6% yang akan memberikan impak kepada negara menerusi projek sukan, pendidikan, kemahiran hidup dan tingkah laku.

Penduduk flat atau komuniti PPR merupakan antara kumpulan sasaran bagi 12 projek solusi yang berfokus untuk menjana pendapatan. Manakala kumpulan sasaran yang lain adalah penduduk kampung (9 projek solusi), golongan nelayan (6 projek solusi) dan golongan peniaga kecil (5 projek solusi). Projek ini secara tidak langsung menjadi alternatif sumber pendapatan, disamping itu juga dapat membina keyakinan diri serta menerapkan rasa kepemilikan.

Antara kumpulan rentan yang menjadi sasaran adalah orang kurang upaya, Orang Asli dan golongan petani yang masing-masing mempunyai 4 projek solusi. Pihak kami juga terlibat dengan bekas penagih, golongan pelarian dan bekas banduan. Projek solusi ini juga bertepatan dengan etos APPGM-SDG iaitu memastikan "Tiada Sesiapa Ketinggalan" serta merangkumi golongan yang kurang bernasib baik.

**Jadual 9** menunjukkan jumlah projek serta peratusan berdasarkan kumpulan sasaran yang telah dijalankan menggunakan peruntukan bagi tahun 2022 daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

**Jadual 9:** Projek Solusi berdasarkan kumpulan sasaran (2022)

Kumpulan Sasaran	Jumlah Projek	%
Orang Asal Sabah & Sarawak	65	33.9
Wanita	47	24.5
Belia	30	15.6
PPR / Penduduk Flat	12	6.3
Penduduk Kampung	9	4.6
Nelayan	6	3.1
Peniaga Kecil	5	2.6
OKU	4	2.1
Orang Asli	4	2.1
Petani	4	2.1
Penagih Dadah	3	1.6
Pelarian	2	1.0
Bekas Banduan	1	0.5
<b>Jumlah</b>	<b>192</b>	<b>100.0</b>

Sumber: APPGM-SDG (Sehingga 26 Jun 2023)

## Rakan Solusi Sebagai Juara Tempatan

Rakan solusi dilihat sebagai jaguh tempatan dalam usaha penyetempatan SDG di peringkat lapangan. Organisasi akar umbi ini menguruskan projek solusi dengan berinteraksi secara aktif dengan komuniti tempatan. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat membina kepercayaan dan hubungan di antara mereka pada beberapa bulan terawal projek berlangsung. Tanpa memahami dinamik masyarakat tempatan, mereka tidak dapat mengubah persepsi minda golongan rentan untuk berubah.

Setakat hari ini, APPGM-SDG telah terlibat dengan 165 rakan solusi yang aktif telah mengambil bahagian di dalam 192 projek solusi mikro SDG di kawasan lapangan. Penglibatan rakan solusi bermula pada tahun 2020, dengan pelaksanaan 34 projek solusi yang telah dijalankan oleh 25 rakan solusi. Jumlah ini telah berkembang kepada 78 rakan solusi, menjalankan 87 projek solusi bagi tahun 2021 dan pada tahun 2022, jumlah rakan solusi telah berkembang menjadi 165. Ini menunjukkan satu jumlah peningkatan yang luar biasa dengan peningkatan jumlah rakan solusi setiap tahun.

Rakan solusi ini merupakan organisasi berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), dengan 79 organisasi berdaftar bawah ROS mengendalikan projek yang berimpak. Jumlah ini diikuti dengan 55 syarikat dan perusahaan sosial yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Syarikat-syarikat ini mempunyai fokus yang bertumpukan pembangunan sosial dan bermatlamat untuk membangunkan penduduk di peringkat akar umbi ke arah kejayaan.

Pihak universiti merupakan antara rakan kongsi yang terbaik bagi perkongsian pengetahuan dan 6 buah universiti juga mengambil bahagian dalam projek komuniti di peringkat tempatan. Mereka telah menyediakan "living lab" untuk menjalankan projek solusi bagi menangani isu dan keperluan penduduk tempatan. Organisasi belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan koperasi, masing-masing menjalankan 6 projek solusi. Selain daripada pertubuhan yang telah disebutkan, **Jadual 10** menunjukkan maklumat lanjut berkenaan rakan-rakan solusi lain yang telah terlibat dalam pelaksanaan projek solusi di peringkat akar umbi.

**Jadual 10:** Kategori Rakan-rakan Solusi

Kategori Pendaftaran Rakan-Rakan Solusi	Jumlah Organisasi
Pertubuhan dibawah ROS	79
SSM / Perusahaan Sosial	55
Universiti/ UNU RCE	9
Organisasi Belia	6
Koperasi	6
Jawatankuasa Penduduk Tempatan (JKKK/ KRT)	3
Pejabat Ahli Parlimen dan pegawai yang dilantik	3
Yayasan	2
Pusat Pemulihan Dalam Komuniti	2
<b>Jumlah</b>	<b>165</b>


Sumber: APPGM-SDG (Sehingga 26 Jun 2023)

## Kitaran Tadbir Urus Projek Solusi

Menjalankan 313 projek solusi bersama 165 rakan solusi memerlukan struktur tadbir urus yang strategik dalam proses permohonan dan penilaian permohonan serta pemantauan projek. Proses ini adalah penting untuk memastikan setiap proses dijalankan mengikut standard dan pemantauan bagi memastikan projek yang dilaksanakan dapat memberikan impak. **Rajah 1** menunjukkan proses tadbir urus kitaran projek solusi daripada permohonan sehingga pelaksanaan projek.

**Rajah 1 :** Kitaran Tadbir Urus Projek Solusi

- Sesi taklimat berkenaan proses permohonan kepada rakan solusi yang telah dikenal pasti
- Rakan solusi akan menghantar kertas cadangan berdasarkan isu serta bajet, dalam tempoh 7 hari selepas sesi taklimat
- Rakan Solusi akan dimaklumkan sejurus projek diluluskan dan mereka dihendaki untuk menandatangani MOU dan memberikan maklumbalas terhadap ulasan serta menambahbaik kertas cadangan






## Penelitian Kertas Cadangan Projek Solusi

Keseluruhan projek solusi bermula dengan sesi taklimat kepada pemohon baharu tentang proses projek dan penulisan cadangan kertas kerja.

Kesemua kertas cadangan akan melalui 3 peringkat proses ulasan yang bermula dengan peringkat dalaman, di mana kertas cadangan akan dinilai oleh pegawai projek solusi dan kemudiannya akan dinilai oleh 2 orang panel penilai luar. Penelitian peringkat ketiga akan dilakukan oleh Pengarah Jabatan Koordinasi Kawasan Parlimen (CCD) dan Pengarah Jabatan Kewangan. **Rajah 2** menunjukkan proses 3 peringkat ulasan kertas cadangan.

**Rajah 2:** 3 peringkat ulasan kertas cadangan



*Sumber: APPGM-SDG*

Setelah sesi penilaian 3 peringkat dijalankan, kertas cadangan akan dibawa kepada ahli Jawatankuasa APPGM-SDG untuk kelulusan. Penelitian 3 peringkat ini merupakan tunjang utama tadbir urus projek solusi serta secara tidak langsung dapat menyumbang kepada penyediaan kertas cadangan projek solusi yang berkualiti bagi tujuan pelaksanaan serta pemantauan perbelanjaan.

**Jadual 11** menunjukkan nama panel penilai luar bersama organisasi mereka. Dalam tempoh jangka masa panjang, rakan solusi yang mempunyai kepakaran akan diserap sebagai salah seorang panel penilai luar. Mereka dapat memberikan ulasan berkenaan kaedah penyampaian yang berkesan berdasarkan pengalaman mereka.

**Jadual 11:** Senarai Nama Panel Penilai Luar

Bil	Nama	Organisasi	Jenis
1	Encik Kiu Jia Yaw	<i>Co-Chair, CSO-SDG Alliance</i>	Pakar Rujuk
2	Dr. Lin Mui Kiang	Pakar Rujuk APPGM-SDG	Pakar Rujuk
3	Puan Omna Sreeni-Ong	<i>ENGENDER CONSULTANCY</i>	Pakar Rujuk
4	Encik Kuhanesapathy Thavaras Pathy	<i>Masala Wheels</i>	Pakar Rujuk
5	Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli	PSSM	Pakar Rujuk
6	Prof. Dr. Sity binti Daud	IKMAS UKM	Pakar Rujuk
7	Encik Arunagiri A/L Subramanian	<i>Mindfulness Trainer &amp; Beringin Natural Farm</i>	Pakar Rujuk
8	Cik Ks. Pakyalakshmi Subramanian	Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamarai Pulau Pinang	Rakan Solusi
9	Puan Jayamalar Samuel	<i>Previously at UNFPA Malaysia &amp; RYTHM Foundation</i>	Rakan Solusi
10	Encik Mohd Redwan Mohd Fadil	Pudipang Industries	Rakan Solusi
11	Puan Norfarhana Haji Ismail	Ana CB Enterprise	Rakan Solusi
12	Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan	Bekas Senator, OKU Aktivis	Rakan Solusi
13	Encik Mohd Yusaimi bin Md Yusof	GRASS Malaysia	Rakan Solusi
14	Puan Jee Soon Yap	JCI Penang, Malaysia	Rakan Solusi
15	Encik Karthigayan Gunasegaran	WWF Malaysia	Rakan Solusi
16	Encik Kon Onn Sein	YKPM	Rakan Solusi

Sumber: APPGM-SDG (Sehingga 26 Jun 2023)

## Pemantauan Projek Solusi Secara Dalam Talian Setiap Bulan

Pemantauan projek solusi setiap bulan merupakan elemen penting dalam proses pemantauan projek untuk melihat komitmen rakan solusi untuk berjumpa dengan kumpulan APPGM-SDG setiap bulan bagi mengadakan diskusi dan memberikan kemaskini projek. Hal ini secara tidak langsung, mewujudkan satu *cross-learning platform* bagi rakan solusi projek untuk berkongsi inovasi, cabaran dan solusi. Terdapat banyak pengetahuan yang telah dikongsikan antara rakan solusi daripada pelbagai lokasi.

Pemantauan projek solusi secara bulanan ini juga dihadiri oleh Pengarah CCD dan penyelidik bebas yang melaksanakan penilaian impak sekaligus menambah baik tadbir urus projek. Kami juga cuba untuk berkongsi tentang impak SDG yang kami mahu dan ingin lihat dalam kalangan komuniti di peringkat akar umbi.

## Penilaian Impak Selepas Projek oleh Penyelidik Bebas

Selepas proses kelulusan dan tandatangan MOU, projek solusi akan dijalankan dan dipantau melalui laporan bulanan, perjumpaan secara dalam talian bagi proses pemantauan secara bulanan dan lawatan ke tapak projek. Setelah projek selesai dijalankan, badan penyelidik bebas daripada universiti akan menjalankan penilaian impak. Inisiatif ini diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli daripada PSSM dan Prof. Dr. Sity Daud daripada IKMAS, UKM.

Informasi lanjut berkenaan ini dapat dilihat di Bahagian 4 laporan ini iaitu impak penilaian dan penemuan bagi projek tahun 2021. Badan penilai telah mengenal pasti aspek positif projek tahun 2021 terhadap kumpulan sasaran, namun mereka juga telah mengenal pasti beberapa cabaran dalam pelaksanaan yang akan ditambahbaik pada masa akan datang.



## Proses Pemerksaan

Kumpulan projek solusi telah menjalani beberapa aktiviti teras selaras dengan pemantauan projek dan penghasilan impak. Aktiviti ini memberi fokus kepada pemerksaan dan mempamerkan mereka sebagai juara tempatan di peringkat akar umbi. Kami telah mengaplikasikan model tiga peringkat bagi memperksakan rakan solusi. Menjadi salah seorang penerima geran merupakan langkah pertama di dalam ekosistem ini bagi menjadi rakan solusi dan seterusnya menjadi rakan kongsi bagi projek solusi dan akhirnya menjadi pemilik projek dan meneruskan usaha yang telah bermula dari bawah. Mekanisma pemerksaan yang progresif ini adalah penting dan ia merupakan mandat yang secara tidak langsung menyumbang kepada agenda penyetempatan SDG. Rajah 3 di bawah menunjukkan model pemerksaan rakan solusi.

**Rajah 3 :** Model Pemerksaan Rakan Solusi



*Sumber: APPGM-SDG*

## Anugerah KSI SDG Ikon

KSI Strategic Institute of Asia Pacific dan APPGM-SDG telah menganjurkan *2022 Malaysian Sustainability Summit* pada 24 Ogos 2022 di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

Semasa acara ini, anugerah SDG dan ESG telah diberikan kepada individu dan organisasi yang memberikan impak kepada komuniti dalam kalangan sektor swasta dan badan CSO/NGO. Penilaian telah dilaksanakan dan 10 rakan solusi telah terpilih antara 165 organisasi yang telah memberikan sumbangan dalam usaha penyetempatan SDG. 10 rakan solusi yang menerima anugerah ikon SDG 2022 disenaraikan dalam **Jadual 12**.

**Jadual 12:** Penerima Anugerah Ikon SDG KSI tahun 2022

Bil	Nama	Organisasi	Lokasi
1	Puan Nadhirah Binti Mohd Rifai	<i>Reef Check</i> Malaysia	Kota Belud, Sabah
2	Encik Muhanad Ariff Bin Muhamad	Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Pasir Mas	Pasir Mas, Kelantan
3	Puan Keerthana Rajanderan	Pertubuhan Perkhidmatan Social dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak (PSPK)	Selayang, Selangor
4	Puan Gevi Ananda Roe	Persatuan Pemangkin Usahawan Sosial	Lembah Pantai, KL
5	Dr. Noor Hafizoh Bt Saidan	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan	Jeli, Kelantan
6	Puan Norfarhana Binti Haji Ismail	Ana CB Enterprise	Baling , Kedah
7	Encik Zahid Alam Dil Mohamad	<i>Penang Refugees Development Network</i>	Batu Kawan, Penang
8	Encik Zakaria Bin Kamantasha	Ladang Organik Sri Lovely	Sik, Kedah
9	Encik Mohd Redwan Bin Mohd Fadil	Industri Pudi	Muar, Johor
10	Puan Sadang Anak Paing	Syarikat Permata Umang (Formally Syarikat Naga Selangau)	Selangau, Sarawak

Sumber: APPGM-SDG (Sehingga 26 Jun 2023)

## Bengkel Pembangunan Kapasiti bagi Rakan Solusi

Program bengkel pembangunan kapasiti bagi rakan solusi tahun 2020 hingga 2021 telah diadakan pada 17 - 19 Jun 2022 di Hotel Armada, Petaling Jaya. Objektif program ini adalah bagi membantu rakan solusi mendapatkan pemahaman lanjut berkenaan enam dimensi yang digunakan bagi tujuan pengukuran impak projek yang telah diguna pakai pihak APPGM-SDG. Program latihan selama dua hari ini telah dijalankan oleh Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli dan Prof. Sity. Daud daripada Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dan program ini telah disertai oleh 55 orang rakan solusi daripada 6 zon. Program ini merupakan sebahagian daripada gambaran besar berkenaan pengukuran impak terhadap komuniti tempatan melalui projek solusi dan agenda lain yang berkaitan dengan penyetempatan SDG.



# PROJEK SOLUSI TAHUN 2022 MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN

## KANGAR | PROJEK 1

### PUSAT KOMUNITI WANITA KANGAR (PERSIS)

15 orang wanita telah diberikan pendedahan dalam pembangunan produk, pemasaran, pemasaran digital dan hak Wanita. Mereka juga telah diberikan pendedahan tentang peluang daripada agensi kerajaan dan kini mempunyai kebolehan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri.

**Rakan Solusi:** Persatuan Srikandi Harapan Kuala Perlis

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## KANGAR | PROJEK 2

### RUANG EDUKASI

Kanak-kanak telah diberikan pendedahan oleh guru sukarela dari UNIMAP dapat membina keyakinan melalui perbualan dengan mahasiswa. Para pelajar akan mempunyai tanggungjawab sosial yang lebih besar dengan penyertaan dalam projek ini.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Penggerak Pendidikan Perlis

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## KANGAR | PROJEK 3

### PENGENALAN TEKNOLOGI DRONE DALAM BIDANG PERTANIAN

Projek ini memperkenalkan teknologi dalam pertanian dalam kalangan petani di Kampung Repoh. Ini juga akan menjadi projek penajaan pendapatan kepada Persatuan untuk menjadi perintis dalam pertanian moden.

**Rakan Solusi:** Persatuan Penduduk Repoh Perlis  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KANGAR | PROJEK 4

### DARIPADA PEMBAZIRAN KEPADA KEKAYAAN (WTW): PENJANAAN PENDAPATAN KOMUNITI B40 KANGAR DARI BAHAN BUANGAN HARUMANIS NEGERI PERLIS

Projek ini bertujuan untuk membantu peserta B40 mencari wang untuk menyara hidup mereka dengan membuat kraf dan produk makanan berasaskan buah-buahan Harumanis (makanan dan sisa pengeluaran Harumanis).

**Rakan Solusi:** Athanliz Innovations Sdn Bhd  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM20,000.00



## JERLUN | PROJEK 1

### PENGUMPULAN HASIL PRODUK MAKANAN KELUARAN JERLUN

Projek ini bertujuan untuk memperkasakan wanita B40 dalam menjana pendapatan terutamanya untuk ibu tunggal dan suri rumah. Projek ini bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran membuat roti dan kek, konfeksi sejuk beku dan jahitan manik.

**Rakan Solusi:** Persatuan Wanita Inspirasi Mampan Jerlun  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00





## JERLUN | PROJEK 2

### PENCEGAHAN / RAWATAN DADAH & PROJEK KEUSAHAWANAN BEBAS DADAH DALAM KAWASAN PARLIMEN JERLUN

Projek ini menyokong elemen keusahawanan yang diterapkan di dalam program rehabilitasi bekas penangih dadah yang akan kembali pada masyarakat sebagai cara untuk mereka menjana pendapatan. Ini secara tidak langsung dapat memberi pulang kepada pelanggan pada masa akan datang.

**Rakan Solusi:** Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah Kubang Pasu  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## JERLUN | PROJEK 3

### PROGRAM MEMPERKASA KEMAHIRAN GOLONGAN NELAYAN PARLIMEN JERLUN

Projek ini berfokus kepada golongan nelayan dan B40 yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan menghadapi kesukaran untuk membaiki enjin dan bot. Projek ini menyediakan program berkaitan pengurusan bot, cara penjagaan (secara teori dan praktikal) serta cara membaiki enjin dan secara tidak langsung menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan nelayan.

**Rakan Solusi:** Persatuan Wanita Inspirasi Mampan Jerlun  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## MERBOK | PROJEK 1

### PUSAT AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN KOMUNITI

Program ini memberikan pendedahan kepada masyarakat tempatan untuk mereka menjalankan perniagaan moden seperti perusahaan makanan sejuk beku. Pusat ini secara tidak langsung akan membina keyakinan dalam kalangan peserta serta wanita tempatan untuk memulakan perniagaan.

**Rakan Solusi:** Kelab Belia Bersama Merbok  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## MERBOK | PROJEK 2

### ARKEOPELANCONGAN TAPAK ARKEOLOGI SUNGAI BATU

Projek ini memberikan fokus kepada usaha menghidupkan semula Pusat Sejarah Sungai Batu bagi memartabatkan tamadun dan khazanah tertua negara.

**Rakan Solusi:** Persatuan AncKedah Sg Batu dengan kolaborasi

Secret Land Enterprise

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## MERBOK | PROJEK 3

### TERAPI KERJAYA & PERTANIAN MANDIRI BERSAMA KLIEN PENGAWASAN AADK DAERAH KUALA MUDA

Projek unik untuk membuka peluang bagi menjana pendapatan kepada peserta di bawah AADK. Ini akan menjadi cara baharu untuk memerangi penyalahgunaan dadah selain daripada program kesedaran yang dijalankan.

**Rakan Solusi:** AADK Daerah Kuala Muda bersama Koperasi Kariah Masjid AL Busyra Merbok Berhad

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KUALA KRAI | PROJEK 1

### KEROPOK CENDAWAN

Projek ini memupuk minat di dalam dunia perusahan, di samping itu mendedahkan para peserta kepada pengalaman usahawan serta menyediakan peluang pekerjaan kepada orang muda serta ibu tunggal untuk menjana pendapatan sampingan.

**Rakan Solusi:** Koperasi Usahawan Cendawan Kelantan Berhad

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KUALA KRAI | PROJEK 2

### PENJANAAN PENDAPATAN BAGI GOLONGAN OKU

Projek ini memberi peluang kepada golongan OKU untuk belajar kemahiran serta membantu mereka menjana pendapatan mereka sendiri. Projek ini secara tidak langsung menyediakan peluang buat mereka yang ingin menceburi bidang baharu mengikut keupayaan mereka sendiri.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Pembangunan OKU Malaysia  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KUALA KRAI | PROJEK 3

### MENANAM CILI BESAR HIJAU

Projek ini akan memberikan pendedahan kepada peserta berkenaan kemahiran fertigasi cili kepada peserta melalui penyediaan ladang bersama dan membimbing mereka sehingga penuaian pertama. Persediaan ladang akan dilakukan oleh peserta.

**Rakan Solusi:** Mengkabung Berkat Enterprise  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## GUA MUSANG | PROJEK 1

### PROJEK TANAMAN FERTIGASI SAYURAN BERBUAH

Pengusaha yang terlibat akan mendapat pengetahuan mengenai penanaman secara fertigasi, cara penuaian yang betul, cara menjaga tanaman daripada serangga dan juga penyelesaian cara memasarkan hasil tanaman.

**Rakan Solusi:** Tabung Kebajikan dan Kecemasan DUN Nenggiri bersama Nenggiri ADUN Office  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM32,108.00



## GUA MUSANG | PROJEK 2

### MENANAM TIMUN MENGGUNAKAN SISTEM FERTIGASI

Projek ini akan berfungsi sebagai tapak pendidikan untuk komuniti tempatan mempelajari tentang fertigasi moden, seterusnya meningkatkan kelestarian dan membolehkan peneroka keluar daripada kemiskinan generasi dan mengembangkan perniagaan dengan cara moden.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Generasi Kedua Kesedar (G2K)

**Peruntukan Pembiayaan:** RM33,108.00



## GUA MUSANG | PROJEK 3

### IBU TUNGGAL MUDA

Projek ini akan membuka pembelajaran kemahiran baharu dan penjana pendapatan untuk ibu tunggal muda serta mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan rakyat dan mengurangkan kemiskinan. Ini akan membuka peluang kepada orang luar yang bukan peserta untuk terlibat dalam latihan perniagaan pada masa akan datang.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Kebajikan Asnaf Gua Musang - PEKA GM

**Peruntukan Pembiayaan:** RM33,108.00



## GUA MUSANG | PROJEK 4

### OA PEMINDAHAN PENGETAHUAN PERTANIAN

Inisiatif itu akan mewujudkan golongan petani muda yang mempunyai ilmu pengetahuan berkenaan pertanian moden dan teknik moden bagi menguruskan racun perosak dan ancaman lain seperti haiwan dan sebagainya.

**Rakan Solusi:** Sri Lovely Organic farm Sdn Bhd

**Peruntukan Pembiayaan:** RM20,000



## SETIU | PROJEK 1

### MODEL USAHAWAN HIJAU FERTIGASI (MUHIF)

Model projek dan tapak fertigasi akan memberi inspirasi kepada orang lain dalam komuniti untuk menceburi aktiviti penjanaaan pendapatan alternatif.

**Rakan Solusi:** Persatuan Penyelidikan Komuniti, Alam Sekitar dan Tadbir Urus Zon Timur bersama Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu.

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## SETIU | PROJEK 2

### PENTERNAKAN AYAM KAMPUNG

Projek memberi tumpuan kepada usaha menjana pendapatan kepada 20 belia di kawasan itu melalui penternakan dan penjualan Ayam Kampung. Antara objektif bagi projek ini adalah termasuk persediaan ladang ayam dengan 1,000 ekor ayam, pembinaan struktur dan sesi latihan tentang pembiakan. Pusat ini akan menjadi tapak pendidikan kepada belia tempatan untuk melibatkan diri dalam aktiviti menjana pendapatan.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Sahabat Komuniti Sejahtera Dun Langkap Setiu

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## BUKIT MERTAJAM | PROJEK 1

### JOM JADI USAHAWAN

Melalui latihan serta peralatan yang telah diberikan melalui projek ini, peserta kini mempunyai kemahiran untuk membuka bakeri sendiri serta boleh menampung kehidupan sendiri serta menampung keluarga secara kewangan. Program ini juga membantu peserta untuk mengenal pasti kemahiran sendiri serta memberikan mereka peluang untuk memulakan perniagaan sendiri.

**Rakan Solusi:** Persatuan Anak Muda Bukit Mertajam

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## BUKIT MERTAJAM | PROJEK 2

### MENYEDIAKAN RUANG BELAJAR & PERPUSTAKAAN BOLEH DIAKSES DENGAN PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN UNTUK KANAK-KANAK KURANG BERNASIB BAIK

Projek ini memberi tumpuan kepada penubuhan pusat pengajian & kemahiran untuk kanak-kanak kurang bernasib baik dan menjalankan kelas pemerksaan untuk menangani isu literasi dalam kalangan mereka

**Rakan Solusi:** Persatuan Pembangunan Komuniti Bukit Mertajam dengan kerjasama Pusat Tuisyen Daya Fikir Generasi Pintar & *Little Beastie Empire*  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000



## BUKIT MERTAJAM | PROJEK 3

### BENGGEL USAHAWAN KECANTIKAN DAN KESIHATAN RESDUNG

Projek ini memfokuskan untuk membantu usahawan komuniti B40, suri rumah, belia wanita, dan OKU menjana pendapatan melalui rawatan masalah resdung dengan kaedah tradisional dan urutan

**Rakan Solusi:** Raa Sinar Maju Enterprise  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000



## PARIT BUNTAR | PROJEK 1

### PENGUPAYAAN MASYARAKAT DAN NELAYAN DALAM MEMELIHARA DAN MEMULIHARA HUTAN PAYA BAKAU DI DAERAH KERIAN

Penanaman semula 2,000 pokok bakau dan memantau pertumbuhannya akan menggiatkan semula kawasan bakau di kawasan itu.

**Rakan Solusi:** Persatuan Pendidikan Dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring)  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## PARIT BUNTAR | PROJEK 2

### WANITA B40 MENJANA PEMERKASAAN PENDAPATAN MELALUI AKTIVITI PEMBUATAN KEK DARIPADA RUMAH

Projek ini akan memperkasakan industri kotej bertempat di rumah, di dalam kalangan wanita yang merupakan suri rumah dan ibu tunggal.

**Rakan Solusi:** Persatuan Kebajikan Prihatin Sosial Negeri Perak (Daerah Kerian)

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,350.00



## PARIT BUNTAR | PROJEK 3

### PEMBANGUNAN KAPASITI BAGI KOMUNITI NELAYAN

Projek ini bertindak sebagai jalan penyelesaian yang menyeluruh bagi masalah yang dihadapi oleh komuniti nelayan dari segi penjanaan pendapatan dengan bengkel pembuatan produk tambahan dan pengetahuan untuk menyelesaikan sendiri masalah enjin yang akan mengurangkan kos mereka.

**Rakan Solusi:** Sahabat Alam Malaysia

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KUANTAN | PROJEK 1

### KEMPEN GO GREEN

Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran penduduk tentang kitar semula dan pemuliharaan alam sekitar melalui kempen kitar semula dan bengkel produk kitar semula.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Aspirasi Pemimpin Muda Kuantan

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KUANTAN | PROJEK 2

### PENGUPAYAAN IBU TUNGGAL MELALUI KEMAHIRAN DAN ILMU PEMASARAN DIGITAL

Latihan ini akan membimbing wanita yang disasarkan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan mereka sambil menambah atau menambah pendapatan semasa mereka.

**Rakan Solusi:** Persatuan Wanita Inspirasi Kuantan

**Peruntukan Pembiayaan:** RM20,000.00



## KUANTAN | PROJEK 3

### SESI TOWNHALL APPGM-SDG BERSAMA AGENSI-AGENCI KERAJAAN DAN KETUA KOMUNITI

Latihan digital itu akan membolehkan perkhidmatan awam yang lebih baik di kalangan pemimpin tempatan yang kebanyakannya tidak mengetahui sistem sedemikian. Penglibatan komuniti tempatan yang terdedah dalam membuat keputusan setempat akan mewujudkan jalan untuk penyelesaian yang dibuat khusus berdasarkan isu yang dikenal pasti.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Kebajikan Cahaya Lestari Kuantan Pahang

**Peruntukan Pembiayaan:** RM20,000.00



## KUANTAN | PROJEK 4

### PROGRAM KESEDARAN KEBERSIHAN RUMAH PANGSA PPR

Projek ini bertujuan untuk mendidik masyarakat B40, miskin dan miskin tegar tentang kitar semula dan kebersihan kawasan kejiranan. Kitar semula dan persaingan akan menggalakkan penduduk yang tinggal di kawasan flat untuk mengambil bahagian secara aktif dalam projek ini dan mendapat manfaat daripada mereka. Projek ini juga menambah baik keadaan hidup dan komunikasi di kalangan penduduk tempatan.

**Rakan Solusi:** Masjid Al-Mukmin Pinggiran Putra 3

**Peruntukan Pembiayaan:** RM22,350.00





## KUANTAN | PROJEK 5

### MENINGKATKAN PENDAPATAN IBU TUNGGAL MELALUI KEUSAHAWANAN BERKELOMPOK

Projek ini bertujuan untuk membangunkan minda keusahawanan digital dalam kalangan peniaga kecil yang terlibat dalam perniagaan makanan & perniagaan lain dengan latihan praktikal. Para peserta akan dididik dengan kemahiran mempromosi digital, terutamanya jualan langsung melalui Tik Tok dan menjadi lebih inovatif, membina dan produktif pada masa hadapan.

**Rakan Solusi:** Persatuan Wanita Inspirasi Kuantan

**Peruntukan Pembiayaan:** RM20,000



## PAYA BESAR | PROJEK 1

### PROGRAM PEMERKASAAN USAHAWAN MAKANAN MIKRO B40 (HOME-BASED & STREET FOOD) MELALUI LATIHAN PEMASARAN DIGITAL & BIMBINGAN

Projek ini memberi tumpuan kepada pendigitalan peniaga makanan kecil dan peniaga yang berpangkalan di rumah dengan kemahiran keusahawanan digital secara praktikal.

**Rakan Solusi:** Persatuan Wanita Inspirasi Kuantan

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000



## SUNGAI BULOH | PROJEK 1

### KEMAHIRAN PRAKTIKAL MEMBAIKI TELEFON BIMBIT

Kemahiran yang disediakan dengan panduan dan pemantauan melalui kumpulan WhatsApp dan juga kit permulaan akan membantu peserta daripada PPR sebagai sumber pendapatan tambahan mereka.

**Rakan Solusi:** Right Track Education Sdn Bhd

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## SUNGAI BULOH | PROJEK 2

### MAKANAN SEJUK BEKU

Projek berdurasi 3 bulan akan bertumpu kepada kumpulan peniaga dari PPR Kota Damansara untuk mengembangkan perniagaan mereka. Projek ini juga mampu menjana pendapatan daripada produk, komisen jualan atau caj penghantaran dan rantaian perniagaan terus berkembang secara tidak langsung memberi kesan kepada masyarakat sekitar juga.

**Rakan Solusi:** Persatuan Penduduk PPR Kota Damansara

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000



## SUNGAI BULOH | PROJEK 3

### PELUANG MENJANA PENDAPATAN UNTUK MENGURANGKAN KETIDAKSAMAAN: UNTUK BEKAS BANDUAN & BANDUAN HAMPIR BEBAS

Ini adalah program perintis bersama Jabatan Penjara dalam membangunkan kemahiran akan dijalankan di Perkarangan Penjara Sungai Buloh untuk banduan yang hampir dibebaskan dengan kebenaran daripada Jabatan Penjara yang diperolehi. Banduan hampir dibebaskan telah diberikan latihan pengayaan rambut.

**Rakan Solusi:** *Malaysian Needy Association* bersama Jabatan Penjara & Bahagian Parol KDN

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000



## CHERAS | PROJEK 1

### MEMPERKASA KOMUNITI DALAM MENYOKONG PEMBANGUNAN MAMPAN DI KUALA LUMPUR (FLAT LOKE YEW & SRI SARAWAK)

Projek ini memberi tumpuan kepada pendekatan keseluruhan masyarakat untuk menyelesaikan masalah tempatan menggunakan sumber tempatan dan mengambilnya sebagai contoh model untuk dipamerkan di persidangan KL.

**Rakan Solusi:** Persatuan Penduduk Petaling Jaya 2017 (MYPJ)

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## CHERAS | PROJEK 2

### MEMPERKASA KOMUNITI DALAM MENYOKONG PEMBANGUNAN LESTARI DI KUALA LUMPUR - MENANGANI ISU PEMBANGUNAN

Pendekatan "seluruh masyarakat" ini diperlukan untuk menangani isu pembangunan. Inisiatif ini akan meningkatkan penglibatan pemimpin tempatan dalam perancangan bandar seterusnya memartabatkan SDG 16.

**Rakan Solusi:** Segar Hills Homeowners Berhad (Persatuan Penduduk)  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## CHERAS | PROJEK 3

### PENJAGAAN RAKYAT, PENJAGAAN BUMI & PENJAGAAN MASA DEPAN

Projek ini menarik perkongsian antara agensi ke arah matlamat dan membolehkan kesinambungan mampan inisiatif projek.

**Rakan Solusi:** RCE KL, UCSI Group, The Blue Ribbon & Yayasan Parousia

**Peruntukan Pembiayaan:** RM 30,000.00



## CHERAS | PROJEK 4

### Y22-SP165

Projek ini menarik perkongsian antara agensi ke arah matlamat dan membolehkan kesinambungan mampan inisiatif projek.

**Rakan Solusi:** RCE KL, UCSI Group, The Blue Ribbon & Yayasan Parousia  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM 30,000.00



## TAMPIN | PROJEK 1

### TINDAKAN KEUSAHAWANAN

Untuk membantu membangunkan model perniagaan yang mampan untuk komuniti dan pembangunan diri yang mampan untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi dalam 3 komuniti.

**Rakan Solusi:** *Special Interest Group-SDG Community of Practice, Industry dan Community Network (ICAN), UiTM Caw Johor*

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## TAMPIN | PROJEK 2

### PEMERKASAAN KOMUNITI OKU

Bengkel ini akan memperkasakan jurulatih dan ibu bapa yang mempunyai anak OKU dengan kemahiran dan pengetahuan yang betul dalam mengurus OKU dengan berkesan. Sukan yang dicadangkan adalah sebahagian daripada terapi mental untuk OKU dan pertandingan turut diadakan.

**Rakan Solusi:** Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

Daerah Tampin

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## TAMPIN | PROJEK 3

### NELAYAN DARAT FELDA JELAI

Menubuhkan konsortium nelayan Darat akan membolehkan nelayan berkongsi amalan dan pengetahuan terbaik serta menerima sokongan kerajaan dari segi pembiayaan dan latihan.

**Rakan Solusi:** Persatuan Belia (MBFM) Felde Jelai 3

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## TANGGA BATU | PROJEK 1

### PROGRAM KELUARGA SEJAHTERA

Projek ini akan menjadi permulaan yang baik untuk aktiviti kesejahteraan minda yang perlu ditangani dalam kalangan masyarakat. Teknik pertolongan cemas penyembuhan diri adalah penting untuk menyegarkan diri dan menghadapi cabaran.

**Rakan Solusi:** Kelab GPM Melaka

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## TANGGA BATU | PROJEK 2

### PROGRAM EDUKASI "KORANG OHSEM SEBENARNYA" DENGAN SESI MENTOR MENTEE DAN PROGRAM TUISYEN DAN SEMAKAN BERASASKAN APLIKASI

Dengan bantuan Aplikasi pembelajaran, keluarga B-40 akan mempunyai akses pendidikan dan tutorial untuk kemajuan pembelajaran mereka.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Sejahtera Rakyat Negeri Melaka

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## TANGGA BATU | PROJEK 3

### PEMBERDAYAAN LEGASI ISTIMEWA

Mengurangkan stigma masyarakat terhadap OKU yang telah terkeluar daripada arus perdana pembangunan mampan dan meningkatkan potensi OKU untuk menjadi pihak berkepentingan dalam komuniti pembangunan.

**Rakan Solusi:** Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Melaka

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## TANGGA BATU | PROJEK 4

### PROGRAM KELUARGA SEJAHTERA (LOCAL COMMUNITY MINDFULNESS PROGRAM)

Projek bermula dengan Kesejahteraan (program kesihatan mental) untuk peserta. Program dimulakan dengan penilaian oleh pakar dan program intervensi dalam kumpulan kecil. Fokus projek adalah untuk mengajar teknik penyembuhan diri seperti pertolongan cemas psikologi, mengendalikan kemurungan dan kebimbangan dan cara mendapatkan bantuan serta perundingan.

**Rakan Solusi:** KELAB GPM MELAKA

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## TEBRAU | PROJEK 1

### PENGETAHUAN ROBOTIK & DIGITAL KEPADA PELAJAR B40

Program yang hebat dengan mendedahkan pelajar kepada kemahiran TVET dan IR 4.0, dan pengaturcaraan robotik, yang akhirnya mendahului kursus seperti pengaturcaraan komputer, pembangunan Aplikasi, Mekatronik dan banyak lagi bidang berkaitan.

**Rakan Solusi:** Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Kolej Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## TEBRAU | PROJEK 2

### WARISAN: PENDIDIKAN BUDAYA & WARISAN ORANG ASAL

Program yang sangat unik dalam bagi usaha memelihara Warisan Orang Asal dari Sabah & Sarawak di Tebrau Johor. Kanak-kanak & belia akan dapat memperkasakan diri mereka melalui kekayaan budaya nenek moyang mereka melalui bahasa, muzik dan komunikasi.

**Rakan Solusi:** Persatuan Kebajikan Gemilang Johor Bahru

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## TEBRAU | PROJEK 3

### PROGRAM KEUSAHAWANAN KULINARI WANITA KRT: KELAS MEMBUAT ROTI, KUIH BULAN DAN BISKUT

Ini akan menjadi program yang sangat baik untuk suri rumah untuk menambah pendapatan keluarga dengan berniaga dari rumah. Melalui KRT, melalui aktiviti pasar malam dan roadshow jualan akhirnya akan meningkat.

**Rakan Solusi:** KRT ZON Pinang Taman Daya  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## BEAUFORT | PROJEK 1

### PROGRAM "USAHAWANITA KE ARAH WANITA SEJAHTERA"

Projek ini memberi tumpuan kepada pemerksaan wanita dengan menubuhkan Persatuan Usahawan Digital Wanita yang akan memberi peluang kepada wanita untuk memimpin.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Pembangunan Minda Insan (PPMI)  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## BEAUFORT | PROJEK 2

### PROGRAM PEMANTAPAN KEUSAHAWANAN & KEPIMPINAN BELIA BEAUFORT BERPRESTASI TINGGI

Kumpulan Sokongan Belia CSO bertindak sebagai platform untuk mengukuhkan persatuan belia dan menambah baik penyelarasan dan rangkaian di antara pihak dan agensi yang berbeza. Belia sebagai agen perubahan dan memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial.

**Rakan Solusi:** Persatuan Suara Belia Beaufort  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



### BEAUFORT | PROJEK 3

#### PROGRAM KAMPUNG BEBAS SAMPAH

Projek ini akan memberi impak yang lebih besar dalam menghidupkan semula kampung dan membersihkan kawasan kampung, dan sumber air bagi mengurangkan risiko penyakit. Persekitaran yang bersih akan menggalakkan lebih banyak aktiviti seperti pelancongan dan peluang inap desa, seperti yang sudah diwujudkan di Kota Belud.

**Rakan Solusi:** Persatuan Suara Belia Beaufort

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



### KENINGAU | PROJEK 1

#### PROJEK PENAMBAHBAIKAN SUMBER AIR GRAVITI KG TONOBON BARU

Menyelesaikan isu tekanan air dan isu pencemaran sumber air dan mewujudkan jawatankuasa tempatan jangka panjang untuk menjaga sumber air graviti.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Kebajikan Impak Komuniti Sabah (PIKOS)

**Peruntukan Pembiayaan:** RM35,000.00



### KENINGAU | PROJEK 2

#### PROGRAM KAMI PRIHATIN: PENINGKATAN DAN SOKONGAN PENDIDIKAN DI RUMAH KANAK-KANAK BONDULU

Program ini juga akan memberi inspirasi kepada kanak-kanak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi memandangkan rakan solusi juga dari universiti. Ini secara tidak langsung akan mengangkat anak-anak yatim untuk keluar daripada kemiskinan dan menjalani kehidupan yang lebih baik melalui pendidikan di peringkat tinggi dan peluang kerjaya yang lebih baik.

**Rakan Solusi:** Universiti Malaysia Sabah (UMS)

**Peruntukan Pembiayaan:** RM20,000.00





### KENINGAU | PROJEK 3

#### PROGRAM KEUSAHAWANAN KOPERASI KE ARAH KELESTARIAN KOMUNITI LUAR BANDAR

Pembentukan pusat perniagaan akan memberi impak positif dari segi penglibatan pelanggan sehenti untuk menggalakkan lebih ramai orang untuk menceburi bidang keusahawanan dan penjana pendapatan.

**Rakan Solusi:** Nusa Sinergi Enterprise Sabah  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



### KENINGAU | PROJEK 4

#### PROGRAM "PERTANIAN & PENANAMAN ORGANIK LESTARI KOMUNITI" TAMBUNAN, KENINGAU

Hab Mini Rumah Hijau akan membuka mata masyarakat setempat untuk tampil ke hadapan dan menceburi bidang pertanian organik & perniagaan berkaitan.

**Rakan Solusi:** Alesha Enterprise Sabah  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM25,000.00



### TENOM | PROJEK 1

#### SISTEM AIR GRAVITI LESTARI KG BAKUKU

Projek ini membantu para peserta untuk memahami dan mengamalkan pemuliharaan air graviti untuk memastikan kelestarian alam sekitar dan sumber semula jadi.

**Rakan Solusi:** Persatuan Impian Pendidikan  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## TENOM | PROJEK 2

### PROGRAM PENGURUSAN AIR KEARAH PERTANIAN LESTARI

Projek ini akan memberi impak mampan kepada peserta dengan mempelajari teknik pertanian yang mampan untuk meningkatkan hasil pertanian mereka dan juga memberi kesedaran untuk melindungi alam semula jadi.

**Rakan Solusi:** Persatuan Impian Pendidikan

**Peruntukan Pembiayaan:** RM25,000.00



## TENOM | PROJEK 3

### KOMUNITI SEJAHTERA DAN SELAMAT KAMPUNG PANGI

Projek itu akan menyediakan laluan akses yang lebih baik dan selamat bagi pelajar dan penduduk kampung untuk mendapat akses ke bandar-bandar berdekatan. Bengkel keselamatan akan diadakan bagi memastikan pelajar mempunyai kesedaran yang lebih tinggi tentang keselamatan mereka semasa menggunakan jambatan dan menaiki bot.

**Rakan Solusi:** Persatuan Impian Masyarakat Sabah

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,040.00



## TENOM | PROJEK 4

### MEMPERKASA KEDAYAUPAYAAN KAUM IBU KG. TILIS

Memperkasakan wanita di Kg Tilis untuk menggunakan teknologi untuk perniagaan mereka dan memasarkan perniagaan mereka kepada khalayak yang lebih besar membina sifat sendiri dan memberi peluang untuk wanita mencipta sumber pendapatan mereka sendiri.

**Rakan Solusi:** Persatuan Ibu Bapa Dan Guru SK Tilis

**Peruntukan Pembiayaan:** RM25,000.00



## LAHAD DATU | PROJEK 1

### PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN LESTARI BELIA TUNGKU, LAHAD DATU

Projek ini bertujuan untuk membangunkan pusat latihan mini untuk golongan belia dan menjalankan kursus latihan berasaskan kemahiran seperti membuat kraf dan kemahiran memasak.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Pembangunan Minda Insan (PPMI) Sabah  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000



## LAHAD DATU | PROJEK 2

### PROGRAM KOMUNITI LESTARI KAMPUNG TELAGA 7

Bengkel penanaman di kawasan belakang rumah untuk memupuk pertanian rumah, Program Kampung Bersih, adalah untuk mewujudkan masyarakat yang peka terhadap alam sekitar dan mewujudkan pihak berkuasa kampung untuk kebersihan dan program Keagamaan dan kerohanian.

**Rakan Solusi:** Kelab Belia Kampung Mostyn Lama (KBKML)  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000



## KALABAKAN | PROJEK 1

### PERKASA-USAHAWANITA KALABAKAN: WANITA ASNAF DAN IBU TUNGGAL

Keseluruhan Projek ini akan mewujudkan struktur sokongan yang mampan dengan tumpuan kepada pembangunan sosial & ekonomi untuk 20 wanita yang memerlukan di daerah ini.

**Rakan Solusi:** Persatuan Wanita Kalabakan (PEWAKAL)  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KALABAKAN | PROJEK 2

### PUSAT MEMANAH KOMUNITI

Pelajar, belia dan orang dewasa di kampung akan mengambil bahagian sebagai pemanah dan pada masa akan datang mempunyai potensi untuk menjadi atlet. Wanita akan mempunyai aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan pusat ini seperti menjahit beg pemanah, menjual makanan ringan & minuman di pusat & menguruskan penyewaan peralatan.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Komuniti Kampung Pasir Putih Baharu Tawau (PENGGIAT)

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KALABAKAN | PROJEK 3

### SEKOLAH ALTERNATIF SERUDUNG LAUT

Projek ini akan memperkasakan golongan belia sebagai jurulatih pendidikan, pelajar & wanita sebagai komuniti celik huruf pada masa hadapan. Meskipun mereka datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan, namun dengan keyakinan yang diberikan sepanjang program pendidikan, mereka akan dapat keluar dan meneroka peluang pada masa akan datang.

**Rakan Solusi:** Persatuan Komuniti Murut Kalabakan (PERKOMA)

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KOTA SAMARAHAN | PROJEK 1

### PEMBUNGKUSAN & PEMASARAN MAKANAN UNTUK KOMUNITI YANG KURANG MENDAPAT PERKHIDMATAN

Tujuan projek ini adalah untuk menambah nilai lebih kepada produk yang dijual oleh penduduk kampung. Dengan pembungkusan yang wajar serta harga yang betul, dengan jualan dalam talian dan menyediakan pilihan pembayaran, lebih banyak jualan akan dijangka masuk.

**Rakan Solusi:** Yayasan Salam Malaysia

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KOTA SAMARAHAN | PROJEK 2

### PENINGKATAN KEMAHIRAN MEMBUAT KRAF (PRODUK BUDAYA TEMPATAN)

Projek ini akan memberi nilai tambah kepada peserta dan penduduk kampung dari segi memelihara budaya dan tradisi serta memperkasakan produk tempatan mereka. Ini juga akan membantu untuk meningkatkan ekonomi mereka melalui penajaan pendapatan alternatif.

**Rakan Solusi:** Sarawak Dayak Iban Association (SADIA)

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## KOTA SAMARAHAN | PROJEK 3

### TANAMAN FERTIGASI CILI

Projek ini memberi tumpuan kepada pembangunan pertanian fertigasi cili kepada petani kecil di kawasan yang mempunyai isu berkaitan tanah. Pendedahan kepada teknologi ini kepada petani secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka menghasilkan produk yang berkualiti dan meningkatkan permintaan pengguna.

**Rakan Solusi:** Syarikat Permata Umang

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## SERIAN | PROJEK 1

### KEUSAHAWANAN PRODUK SEJUK BEKU

Projek ini akan membuka peluang kepada wanita dan suri rumah untuk belajar kemahiran baharu dan cara menjana pendapatan. Ini juga akan membuka peluang kepada bukan peserta lain yang tertarik untuk terlibat sama di dalam latihan perniagaan pada masa hadapan.

**Rakan Solusi:** N Y Enterprise

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## SERIAN | PROJEK 2

### PERTANIAN MODEN SISTEM FERTIGASI

Para peserta akan didedahkan dengan kemahiran pertanian dan fertigasi moden. Peserta juga akan dapat menjual baja ke pasaran terbuka selain daripada hasil pertanian.

**Rakan Solusi:** Pusat Latihan Pelbagai Kemahiran  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## SERIAN | PROJEK 3

### PROGRAM PENGENDALIAN MAKANAN

Program ini akan menambah nilai kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh pemilik homestay di Kg Pichin. Ia juga menyediakan pelbagai peluang pekerjaan dalam perniagaan untuk komuniti yang tinggal di kawasan luar bandar.

**Rakan Solusi:** Pak Wa Catering  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00




## BETONG | PROJEK 1

### PENGURUSAN PEMASARAN DAN JUALAN ATAS TALIAN

Projek ini membantu meningkatkan saiz pasaran bagi usahawan muda yang tinggal di kawasan luar bandar yang mempunyai pasaran yang terhad. Khidmat Mentor dan bimbingan yang berterusan akan mewujudkan pertumbuhan yang lestari di kalangan peserta dari segi jualan dalam talian mereka.

**Rakan Solusi:** NRP Production and Services Sdn. Bhd.  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM 40,000



## TANJONG MANIS | PROJEK 1

### PROGRAM KEWANGAN CELIK PINTAR: 'PRODUCT PRICING'

Projek ini akan memperkenalkan modul keusahawanan kepada peserta dengan fokus unik pada 4P pemasaran.

**Rakan Solusi:** JKKK RH Cherenga, Sg Sentebu, Jalan Sare, Sarikei

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## TANJONG MANIS | PROJEK 2

### KEBUDAYAAN DAN TARIAN MASYARAKAT MELANAU

Program pemuliharaan budaya ini bertujuan untuk mendidik wanita Melanau tempatan di Pulau Bruit tentang warisan, budaya, sejarah dan tarian tradisional Melanau.

**Rakan Solusi:** Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Kampung Serdeng

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## IGAN | PROJEK 1

### PROGRAM E-KEUSAHAWANAN

Latihan itu akan membuka pasaran kepada peniaga tempatan untuk berdagang dalam talian dan meluaskan pemasaran serta saluran pendapatan mereka. Pemantauan berterusan akan membantu menyemai keyakinan di kalangan peserta untuk menceburi perniagaan digital.

**Rakan Solusi:** Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)

Tanjong Manis, Mukah

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## IGAN | PROJEK 2

### BAIK PULIH TELEFON BIMBIT (DARO)

Kemahiran TVET akan membuka pasaran baharu untuk penduduk tempatan menjana wang dan menggunakan kemahiran teknikal untuk turut memulakan perniagaan secara kecil-kecilan berkaitan telefon bimbit di kawasan itu.

**Rakan Solusi:** Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)  
Bandar Baru Tanjung Manis  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## IGAN | PROJEK 3

### BAIK PULIH TELEFON BIMBIT (MATU)

Kemahiran TVET akan membuka pasaran baharu untuk penduduk tempatan menjana wang dan menggunakan kemahiran teknikal untuk turut memulakan perniagaan secara kecil-kecilan berkaitan telefon bimbit di kawasan itu.

**Rakan Solusi:** Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)  
Bandar Baru Tanjung Manis  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## BARAM | PROJEK 1

### KURSUS PEMBUATAN KAIN BURI

Para peserta dilengkapkan dengan pengetahuan tentang pelbagai kraftangan kain buri, pemasaran dan pengurusan kewangan. Mengekalkan warisan dan budaya kain Sarawak serta menjana pendapatan melalui penjualan produk Kain Buri.

**Rakan Solusi:** Kelab Sukan Rekreasi Poyut Lubok Nibong  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM 40,000





## FASA 2 PROJEK SOLUSI

### KUBANG PASU | PROJEK 1

#### PENCEGAHAN / RAWATAN DADAH DALAM KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU & DAERAH KUBANG PASU

Satu sudut antidadah akan diwujudkan di sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Kubang Pasu yang merupakan kawasan tumpuan dengan kebanyakan kes penyalahgunaan dadah di Malaysia. Projek ini akan diuruskan oleh RS bersama sekolah dan penggunaan akan dikawal oleh RS dengan kandungan dan program dijalankan secara berterusan untuk pelajar.

**Rakan Solusi:** Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah Kubang Pasu  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



### KUBANG PASU | PROJEK 2

#### KESEDARAN, KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN TERHADAP KANAK-KANAK KE ARAH SEJAHTERA MELALUI PROJEK 'CAKAPKAN TIDAK, SAYA SELAMAT & PERKASA'

Projek ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak, ibu bapa dan guru tentang jenayah gangguan seksual terhadap kanak-kanak.

**Rakan Solusi:** Pertubuhan Kesedaran Wanita Kedah (PKWK)  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## SIK | PROJEK 1

### MEMPERKASA DAN MEMBIMBING BELIA UNTUK KEJAYAAN AKADEMIK DI DAERAH SIK - KITARAN 2 (SIK POWER 2)

Pelajar dari luar bandar Sik akan dipantau oleh mentor dan dibantu oleh pelajar universiti yang kini menetap di kawasan Sik bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan di dalam era celik teknologi.

**Rakan Solusi:** Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja Sosial & Polisi (Universiti Utara Malaysia)

**Peruntukan Pembiayaan:** RM20,000.00



## SIK | PROJEK 2

### PENDIDIKAN UNTUK SEMUA: KUASA SIK DAN PEMBANGUNAN KAPASITI BAGI PEMERKASAAN ORANG KURANG UPAYA

Projek itu merupakan kesinambungan bagi program untuk pelajar yang memerlukan di Sik, dengan tambahan enam modul daripada projek pendidikan terdahulu, yang termasuk modul pembangunan diri, kemahiran insaniah, literasi Digital dan banyak lagi.

**Rakan Solusi:** Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja Sosial & Polisi (Universiti Utara Malaysia)

**Peruntukan Pembiayaan:** RM40,000.00



## BALING | PROJEK 1

### MEMPERKASA JAHITAN

Projek bertujuan untuk membangunkan kapasiti jurulatih di kalangan 10 peserta dan membuka peluang kepada mereka untuk melatih lebih ramai peserta dalam program seperti Giat Mara, Keda, NCER & banyak lagi.

**Rakan Solusi:** Ana CB Enterprise

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## BALING | PROJEK 2

### MEMACU PENINGKATAN PENDAPATAN WANITA B-40 MELALUI PROGRAM LATIHAN PENYEDIAAN MAKANAN SEJUK BEKU, PENGURUSAN PERNIAGAAN, KEWANGAN DAN PEMASARAN DIGITAL

Projek ini memberi tumpuan kepada pembuatan makanan sejuk beku (roti canai, murtabak & kuih-muih berinti) dan perkongsian ilmu berkaitan perniagaan kewangan & digital.

**Rakan Solusi:** Institut Dasar Ekonomi & Kewangan (ECOFI), Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan & Perbankan, Universiti Utara Malaysia  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## TUMPAT | PROJEK 1

### AGROTERNAK BELIA PASIR PEKAN FASA 2

Projek ini bertujuan untuk membantu belia mengambil bahagian dalam bekalan daging tempatan dan mengurangkan pergantungan kepada daging import, untuk menyokong keterjaminan bekalan daging dan makanan tempatan terutamanya semasa musim perayaan.

**Rakan Solusi:** Koperasi Pembangunan Wakaf Bharu Berhad  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM20,000.00



## TUMPAT | PROJEK 2

### COCOPEAT

Pengeluaran cocopeat menyumbang kepada perlindungan alam sekitar dengan aktiviti mengitar semula sisa tempurung kelapa dan menukarkannya kepada produk baharu (cocopeat), serta menyediakan peluang pekerjaan kepada belia di Tumpat.

**Rakan Solusi:** Pejabat Khidmat Rakyat Parlimen Tumpat  
**Peruntukan Pembiayaan:** RM20,000.00



### TUMPAT | PROJEK 3

#### TAPAK KIOSK JUALAN

Projek ini bertujuan untuk mewujudkan peluang kerjaya dan membantu peserta (usahawan jalanan) menjana pendapatan yang stabil yang juga membantu peserta membina "kiosk" mereka sendiri (90'x 22') untuk menjual produk tempatan mereka.

**Rakan Solusi:** Wawasan Usrati Enterprise

**Peruntukan Pembiayaan:** RM20,000.00



### PASIR MAS | PROJEK 1

#### PEMASARAN DIGITAL DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Melatih peserta luar bandar tentang pemasaran digital & pengurusan kewangan dengan panduan langkah demi langkah yang mendalam selama 2 bulan untuk menggunakan pengetahuan berkenaan digital & kewangan ke dalam perniagaan mereka untuk meneroka lebih banyak peluang.



**Rakan Solusi:** Penerbitan dan Perundingan ECDC

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



### PASIR MAS | PROJEK 2

#### MENTOR MENTEE BESI

Pelatih akan diajar cara membuat senjata tradisional seperti keris, pedang dan pisau. Harga senjata adalah bergantung pada jenis besi yang digunakan untuk membuatnya.

**Rakan Solusi:** Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Pasir Mas

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## PERMATANG PAUH | PROJEK 1

### PROGRAM SMART AGRO-PRENEUR (STAR) PERMATANG

Projek terdiri daripada reka bentuk dan dibuat khusus oleh 8 modul diikuti dengan 4 minggu latihan pertanian bandar, pemasaran dan rancangan perniagaan. Latihan kepada 10 usahawan tani pintar daripada program fasa 1 melalui penubuhan perusahaan asas tani pintar.

**Rakan Solusi:** Urbanest Sdn Bhd

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## PERMATANG PAUH | PROJEK 2

### KURSUS GABUNGAN LATIHAN ASAS & SIJIL OPERATOR RADIO (ROC)

### PROGRAM KEMPEN GOTONG-ROYONG MEGA

Kursus Robot memberi tumpuan kepada memudahkan peserta memperbaharui lesen 'jurumudi' mereka dan juga meningkatkan pengetahuan mereka terhadap bot, sungai dan laut. Projek kempen gotong-royong bertujuan memberi kesedaran kepada peserta tentang cara menjaga alam sekitar dengan berkesan.

**Rakan Solusi:** Persatuan Riadah Rekreasi Air Permatang Pauh

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## BATU KAWAN | PROJEK 1

### INISIATIF PEMBANGUNAN PELARIAN PULAU PINANG

Membantu wanita pelarian untuk mendapatkan akses penjagaan kesihatan dalam situasi kecemasan (termasuk melahirkan anak, pendidikan dan asas untuk masa depan mereka). Menyokong 5 wanita/lelaki pelarian untuk memulakan perusahaan mikro atau menyokong perusahaan mikro sedia ada. Menampung perbelanjaan sekolah 10 kanak-kanak untuk menyediakan mereka akses kepada pendidikan awal kanak-kanak dan pendidikan rendah.

**Rakan Solusi:** Persatuan Komuniti Berdikari bersama Penang Refugees Network

**Peruntukan Pembiayaan:** RM30,000.00



## BATU KAWAN | PROJEK 2

### INISIATIF PEMBANGUNAN PELARIAN PULAU PINANG PH2

Projek ini memberi tumpuan kepada komuniti pelarian (pemegang Kad UNHCR), khususnya wanita dan kanak-kanak untuk memberi mereka akses kepada penjagaan kesihatan (bersalin) dan akses kepada pendidikan dan juga sokongan kewangan kecil kepada wanita dan lelaki pelarian dalam perusahaan mikro di kalangan komuniti mereka.

Proses penilaian impak ini merupakan alat penting untuk menilai keberkesanaan projek dan intervensi, serta pembuatan dasar berasaskan bukti jelas. Pelantikan awal pasukan penilai impak oleh Sekretariat APPGM-SDG membantu dalam mengukuhkan komunikasi untuk mengelakkan komunikasi yang kurang jelas antara rakan solusi projek, penerima manfaat projek dan penilai impak semasa proses penilaian dijalankan. Akhirnya, kejayaan mana-mana projek atau keperluan intervensi bergantung kepada keupayaan penilai impak untuk menilai dengan tepat impak projek solusi dan memberikan cadangan yang baik untuk projek masa hadapan. Mekanisme maklumbalas adalah merupakan keperluan utama untuk merekodkan respons positif dan negatif daripada penilai impak, rakan solusi projek dan penerima manfaat projek.

Penemuan penilaian impak bagi kohort 2021 telah disiapkan pada awal Mac 2023 dan dibentangkan kepada pasukan solusi APPGM-SDG. Laporan akhir akan diserahkan pada awal Julai 2023.

## Senarai Pasukan Penilai Impak bagi Projek Solusi Kohort 2021

**Jadual 14:** Senarai Pasukan Penilai Impak Bagi Projek Solusi Kohort 2021

Bil.	Nama	Afiliasi	Kawasan
1	Dr. Adrian Lee Yuen Beng	Sunway University	<b>Tengah</b>
2	Dr. Nurul Hidayat Binti Ab Rahman	Fakulti Undang-Undang, UKM	
3	Dr. Tan Raan Hann	IKMAS, UKM	
4	Prof. Madya Dr. Fadilah Puteh	Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, UiTM Shah Alam, Selangor	<b>Timur</b>
5	Dr. Wan Puspa Melati Bt. Wan Abdul Halim	Taylor's University	
6	Prof. Madya Dr. Sharifah Syahirah Sy Sheikh	Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur	<b>Utara</b>
7	Dr. Norreha Othman	<i>Faculty of Business, Accountancy &amp; Social Science, KUPTM</i>	
8	Ts Dr. Airuddin Ahmad	<i>Faculty of Computing &amp; Multimedia, KUPTM</i>	
9	Prof. Madya Dr. Kahirol Mohd Salleh	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM Johor	<b>Selatan</b>
10	Prof. Madya Dr. Nor Lisa binti Sulaiman	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM Johor	
11	Prof. Madya Dr. Saifullizam Puteh	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM Johor	
12	Dr. Muhamad Azwan Abd Rahman	Institute of Malaysian and International Studies (IKMAS), UKM	<b>Sabah</b>
13	Dr. Eko Prayitno Bin Joko	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah	
14	Dr. Muhammad Rahimi Hasan	Naratif Malaysia	
15	Cik Suzy Anak Anggo	UNIMAS Sarawak	<b>Sarawak</b>
16	Puan Dahlia Johari	Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional, UiTM	

**B A H A G I A N**

**05**

**AKADEMI MYSDG**

---


Akademi



Academy

## PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI 2022

Sepanjang tahun 2022, Akademi mySDG, sebuah pusat latihan di bawah Pertubuhan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari, terus komited untuk memperkasakan kesedaran SDG dan memupuk pembangunan kemahiran di peringkat akar umbi. Inisiatif pembangunan kapasiti kami merangkumi pelbagai demografik - wakil kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, pemimpin komuniti, dan belia. Tiga modul telah diperkenalkan, antaranya adalah:



## SDG & Transformasi Komuniti



Sebuah modul latihan SDG mengenai "SDG & Transformasi Komuniti" telah dibangunkan oleh Profesor Madya Dr. Zainal Abidin Sanusi dari Pusat Sejahtera di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM). Dalam kerjasama dengan Pusat Sejahtera ini, kami telah berjaya melaksanakan 11 program pembangunan kapasiti yang menyasarkan kira-kira 274 penjawat awam dan pemimpin tempatan. Lihat **Jadual 15** untuk maklumat lebih lanjut.

Modul ini berkisarkan perjalanan yang bermakna ke dunia Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Ia memperkenalkan matlamat dan sasaran, bersama-sama dengan penerokaan mendalam lima elemen penting iaitu: Orang, Planet, Kemakmuran, Keamanan, dan Perkongsian dengan fokus pada prinsip SDG, "Tiada Siapa Ketinggalan".

Modul ini kemudiannya mengkaji penyesuaian SDG di Malaysia, dengan meneliti hubungan Persekutuan-Negeri, peranan agensi dan mandat dengan sifat merentas sektor SDG termasuk peranan pemimpin tempatan dalam pembangunan tempatan dan pengesanan SDG.

Ia menyoroti keselarasan SDG dengan rancangan pembangunan nasional, mengakui cabaran seperti kerjasama antara agensi dan pendekatan kerja dari bawah-ke-atas. Modul ini selanjutnya menekankan penglibatan komuniti, mendefinisikan prinsip-prinsipnya dan membincangkan analisis tempatan sebagai batu loncatan untuk pencapaian SDG. Latihan praktikal ini berlangsung di pelbagai lokasi peringkat daerah, mencapai lebih daripada 200 orang individu sepanjang tahun (**Jadual 15**).

**Jadual 15:** SDG & Data Latihan Komuniti

Tarikh	Lokasi	Bilangan Peserta
16 Jan 2022	Jeli, Kelantan	15
8 Feb 2022	Pasir Mas, Kelantan	24
9 Feb 2022	Tumpat, Kelantan	33
22 Mac 2022	Sik, Kedah	22
13 Apr 2022	Kubang Pasu, Kedah	18
9 Mei 2022	Libaran, Sabah	21
24 Mei 2022	Pendang, Kedah	21
19 Jun 2022	Pontian, Johor	25
26 Jun 2022	Baling, Kedah	22
06 Jul 2022	Ipoh Barat, Perak	24
23 Jul 2022	Kota Belud, Sabah	49
<b>Total Participants</b>		<b>274</b>

Sumber: APPGM-SDG

## Bengkel Lokalisasi SDG



Selaras dengan usaha untuk melokalisasikan SDG, kami telah melancarkan “Bengkel Lokalisasi SDG”.

Modul ini menawarkan tinjauan mendalam tentang Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan lokalisasi SDG. Ia bermula dengan pengenalan menyeluruh kepada SDG, meliputi latar belakang, tema, matlamat dan sasaran. Kemudian, diikuti dengan aktiviti interaktif seperti perkongsian pengalaman atau projek peserta berdasarkan 17 Matlamat SDG, mendapatkan pemahaman yang jelas tentang sasaran dan indikator bersama dengan pendekatan berasaskan komuniti.

Dalam bahagian dua tentang lokalisasi SDG, kami menumpukan kepada lokalisasi SDG di Malaysia, dengan pendekatan APPGM-SDG yang dijalankan melalui aktiviti berkumpulan, dengan fokus kepada pemetaan isu. Bahagian ketiga menggalakkan peserta untuk mencadangkan penyelesaian untuk isu tempatan dengan penekanan kepada SDG 17 (Rakan Kerjasama untuk Matlamat), di samping membincangkan penilaian impak dan strategi pelaksanaan.

Bengkel ini akan diakhiri dengan sesi renungan dan reflektif, di mana peserta akan mengenalpasti tema-tema utama yang dipelajari, pelan tindakan akan datang, dan cadangan untuk bengkel yang seterusnya.



**09.04.2022 Pembinaan Kapasiti bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang @ Marriott Penang**



**28.08.2022 Pembinaan Kapasiti @ Kota Kinabalu, Sabah**



Sebanyak 11 program pembangunan kapasiti telah dijalankan pada 2022 di beberapa lokasi dan melibatkan lebih 350 orang peserta seperti tertera dalam **Jadual 16**.

**Jadual 16:** Bengkel Lokalisasi SDG

Tarikh	Lokasi	Disokong oleh	Peserta
9 April 2022	Georgetown, Pulau Pinang	Penasihat Eksekutif Pulau Pinang untuk Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Agama Bukan Islam	31
28 Ogos 2022	Kota Kinabalu, Sabah	Borneo Komrad	31
12 September 2022	Georgetown, Pulau Pinang	Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang	31
19 Oktober 2022	Kuching, Sarawak	EPU, Sarawak	69
22 Oktober 2022	Tawau, Sabah	Sekretariat APPGM-SDG, Pejabat Wilayah Sabah	47
29 Oktober 2022	Muar, Johor	Pudipang Industries	17
20 November 2022	Cheras, Kuala Lumpur	Global Peace Foundation Malaysia	49
29 November 2022	Bukit Mertajam, Penang	Pertubuhan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang	39
7 December 2022	Parit Raja, Johor	Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), UTHM	29
10 Disember 2022	Indera Mahkota, Pahang	Agen Belia SDG Kuantan	41
11 Disember 2022	Kuantan, Pahang	Agen Belia SDG Kuantan	37
17 Disember 2022	Petaling Jaya, Selangor	myPJ	25

Source: APPGM-SDG



**29.10.2022 Pembinaan Kapasiti bersama Pudipang Industries @ Muar, Johor**



**12.09.2022 Pembinaan Kapasiti bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang @ Bayview, Georgetown**



**19.10.2022 Pembangunan Kapasiti bersama EPU @ UCSI Kuching, Sarawak**



**22.10.2022 Pembinaan Kapasiti @ Tawau, Sabah**



**20.11.2022 Pembinaan Kapasiti bersama Global Peace Foundation Malaysia @ IYC, Cheras**



29.11.2022 Pembinaan Kapasiti bersama ASWIP @ Bukit Mertajam, Penang



07.12.2022 Pembinaan Kapasiti bersama UTHM Transformasi @ Johor



10.12.2022 Pembinaan Kapasiti bersama MIYC Kuantan @ Indera Mahkota, Pahang




11.12.2022 Pembinaan Kapasiti bersama MIYC Kuantan @ Kuantan, Pahang



17.12.2022 Pembinaan Kapasiti bersama MyPJ di Petaling Jaya



## SDGs and Hak Asasi Manusia



Modul ketiga telah dibangunkan untuk merapatkan jurang antara SDG dan hak asasi manusia melalui program latihan hibrid yang dikolaborasikan dengan SUHAKAM. Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria telah dilantik untuk menulis modul kajian sendiri dengan bantuan *The Danish Institute for Human Rights*. Modul ini adalah kursus kajian sendiri yang bertujuan untuk memberikan peserta dengan pemahaman menyeluruh tentang SDG dan Hak Asasi Manusia.

Melalui tontotan video, bacaan, dan tugas, peserta akan mendapat pemahaman tentang 17 SDG dan hubungannya dengan hak asasi manusia. Modul ini terdiri daripada empat bahagian: Bahagian 1 memberi tumpuan kepada memahami SDG, bahagian 2 meneroka tentang pengintegrasian hak asasi manusia dalam SDG, bahagian 3 memberikan gambaran keseluruhan komitmen Kerajaan Malaysia terhadap SDG termasuk laporan dan penilaian indikator SDG, dan bahagian 4 mengkaji titik persilangan antara SDG dan institusi hak asasi manusia nasional (NHRI), mengkaji secara khusus bagaimana SDG dapat memanfaatkan kerja SUKHAM dari segi pemantauan dan penilaian. Dengan melengkapkan modul ini, peserta akan memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyumbang secara berkesan kepada pembangunan mampan dari perspektif hak asasi manusia.

Akademi mySDG telah menganjurkan dua sesi tutorial kumpulan untuk 40 orang staf SUHAKAM pada 24 dan 25 Ogos 2022 di pejabat SUHAKAM.



# PEMBANGUNAN BELIA DALAM MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI TAHUN 2022


Pembangunan belia dalam SDG adalah elemen penting dalam kerja APPGM-SDG. Ia mempamerkan pencapaian dan inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022, yang mencerminkan komitmen kami untuk memupuk pembangunan lestari melalui penglibatan belia. Misi kami adalah untuk melengkapkan individu muda dengan kemahiran, sumber, dan rangkaian yang diperlukan untuk menjadi rakan kongsi aktif dalam melokalisasikan SDG. Beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk mencapai matlamat ini.

## Sidang Kemuncak Belia SDG Malaysia 2022

Sidang kemuncak ini dianjurkan bersama-sama Pusat Belia Antarabangsa dan Universiti UCSI pada 11 hingga 12 Jun 2022. Hari pertama, menampilkan 13 projek yang diketuai belia yang terpilih, yang menangani isu-isu sosial, ekonomi, dan alam sekitar yang berkaitan dengan SDG. Hari kedua pula terdiri daripada Bengkel Lokalisasi SDG untuk rakan strategik dan penceramah.

Sidang kemuncak ini menyaksikan penyertaan seramai 180 orang secara fizikal dan menerima lebih daripada 1000 tontonan dalam talian. Para peserta termasuk pelajar sekolah rendah dan menengah, deligasi dari Sarawak, belia bisu dan pekak, pelarian, pemimpin organisasi belia dan orang awam. Sebanyak 39 organisasi telah menyertai usaha ini sebagai rakan strategik untuk mempromosikan dan merekrut penceramah dan sukarelawan yang berkualiti. Seramai 34 orang belia di bawah umur 30 tahun telah menjadi sukarelawan. Ini adalah satu kejayaan yang luar biasa.

Tetamu kehormat termasuk mantan Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Seri Ahmad Faizal Azumu, dan Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam, Puan Karima El Korri, telah memeriahkan sidang kemuncak ini. Sidang kemuncak ini telah mendapat perhatian media dengan siaran di TV1, Selamat Pagi Malaysia, Bernama, *New Straits Times* dan *The Sun Daily*. Amalan dari sidang kemuncak ini apabila sidang kemuncak ini telah didokumentasikan dan dikongsi di YouTube, dan menjadi sumber berhanrga bagi mereka yang berminat untuk melokalisasikan SDG.




## Agen Belia SDG

Dengan kerjasama bersama sepuluh kumpulan belia kebangsaan yang terkemuka, kami melancarkan Program Agen Belia SDG pada bulan Ogos 2022. Inisiatif selama setahun ini, memupuk belia tempatan untuk menjadi Juara SDG. Program ini memberi peluang kepada belia ini untuk berhubung dengan komuniti dan Ahli Parlimen mereka, membolehkan mereka mengambil tindakan melalui lensa SDG. Antara aktiviti yang diadakan termasuk menganjurkan bengkel, menjalankan penyelidikan, mengenal pasti projek mikro-solusi, terlibat dalam advokasi dasar, berhubung dengan pihak berkepentingan tempatan dan menyertai forum antarabangsa.



Disokong oleh:



Dengan menggabungkan individu muda dengan komuniti tempatan mereka, ia telah menginspirasi mereka untuk menjadi agen perubahan. Penglibatan dan kesungguhan mereka telah menunjukkan potensi penglibatan belia dalam pembangunan mampan.

## AGEN BELIA SDG



**MUHAMMAD HILMAN DANIAL  
BIN SUAHAIMI**  
Penang: Permatang Pauh



**CHARANIYAA**  
Selangor: Kuala Selangor



**SHAMEERA NASREEN**  
Penang: Batu Kawan



**KHUSWINDER SINGH**  
Perak: Ipoh Barat



**HEMAA**  
Selangor: Petaling Jaya



**MALINI**  
Pahang: Temerloh



**SHAHRIZUL MUIZ**  
Penang: Batu Kawan



**SANIY SAMSUDIN**  
Kedah: Kubang Pasu



**FATEMA TASNIM**  
Selangor: Petaling Jaya



**NIK MUHAMMAD**  
Selangor: Kuala Selangor



**SHAFINAZ @ LEEVAN**  
Sarawak: Hulu Rajang



**MOHAMAD SHARUL IMAN**  
Kelantan: Tumpat



**PRISKILA AKWILA SINEM**  
Sabah: Kota Belud



**VINOSHALATHA**  
Pahang: Indera Mahkota



**PESHMINDER PALL SINGH**  
Selangor: Petaling Jaya



**FARHAN ABD AZIZ**  
Selangor: Selayang



**ALYA SARAH**  
Kelantan: Jeli



**PRESHANT**  
Pahang: Temerloh



**R. PRAVIN**  
Pahang: Indera Mahkota



**ZIKRY IRFAN**  
Johor: Simpang Renggam



**FATIN NATRAH**  
Selangor: Selayang



**HARRYJOY LIAN JACK**  
Sarawak: Hulu Rajang



**EFFAH SYAFIQAH**  
Selangor: Petaling Jaya



**PAULINE SUZANNA**  
Pahang: Bentong

## Program Latihan Industri

Bagi memudahkan pembelajaran mendalam mengenai lokalisasi SDG, kami telah menyediakan peluang latihan industri. Seramai empat orang pelajar latihan industri telah memberikan sumbangan yang berharga kepada misi kami dan memperoleh pengalaman praktikal. Mereka adalah:

1. Encik Philus George Thomas (pelajar dari *Management and Science University* - penglibatan berterusan)
2. Cik Shriya Theivanthiran - 25 November 2022 hingga 31 Januari 2023
3. Encik Emerson Ngu Yong Keat - 3 Oktober 2022 hingga 16 Disember 2022
4. Cik Hemaapadmaashini A/P Viknesvaran (Agen Belia SDG Petaling Jaya) - 7 September 2022 hingga 30 November 2022




# PERSIDANGAN DAN PENERBITAN BELIA

Pada tahun 2022, kami telah membuat dua pembentangan di persidangan dan menerbitkan dua artikel dalam jurnal. Pembentangan ini menonjolkan wawasan mengenai belia dalam SDG. Artikel tersebut adalah:

Ng, Z., & Thomas, P. (2022). *The Malaysian Youth SDG Summit 2022 Platform for Exposing Youth to Sustainable Development. 7th International Case Study Conference Proceedings. 7th International Case Study Conference.*

Ng, Z., Thomas, P., & Yusof, M. I. (2022). *A Mid-Term Review of Malaysia Civil Society Organization in Engaging Youths in SDG Implementation. Malaysia SDG Conference 2022. Malaysia SDG Conference 2022, Crystal Crown Hotel.*

Inisiatif ini yang memfokuskan penglibatan belia dalam melokalisasikan SDG telah menunjukkan impak yang ketara di pelbagai peringkat. Daripada Sidang Kemuncak Belia SDG Malaysia yang menyediakan platform untuk belia mempamerkan amalan terbaik, hinggalah kepada program Agen Belia SDG, yang memberi ruang dan peluang untuk para belia ini berhubung dengan komuniti mereka, gerak kerja kami telah memudahkan pembelajaran, perhubungan dan penyertaan aktif dalam aktiviti yang berfokuskan SDG. Penerbitan penyelidikan kami, penglibatan antarabangsa, dan perkongsian dengan organisasi, universiti, dan agensi kerajaan telah menguatkan keberkesanan dan jangkauan inisiatif kami. Seiring perjalanan ini, kami tetap komited untuk memberi kuasa kepada belia dan memupuk penyertaan aktif mereka dalam pembangunan lestari.



## A Mid-Term Review of Malaysia Civil Society Organization in Engaging Youths in SDG Implementation

Zoel Ng<sup>a</sup>, Philus George Thomas<sup>b</sup>, Mohd Idham Mohd Yusof<sup>c</sup>

<sup>a</sup>Youth Development, All-Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (APPGM-SDG)  
<sup>b</sup>Faculty of Forestry and Environment, Universiti Putra Malaysia

### ABSTRACT

Youths are the pillars of development, however the involvement and engagement of the group in the United Nations Sustainable Development Goals (UN SDG) in Malaysia is also dependent on the roles of organisations to engage youths for the SDGs implementation. The Registrar of Youth (ROY) records 9,433 organisations and 80,316 under the Register of Society in Malaysia (ROS) as active organisations where many of the organisations are focused on engaging youths in local, national, and global developments. This paper reviews civic engagement by including youth participation in implementing the sustainable development goals (SDGs), the nature of collaborative engagement of the organisations with youths in the initiatives and activities of the organisation and the views of organisations toward the roles of youths in societal, national and global developments. Findings indicate the engagement of youths through means such as education, skills training and advocacy through the elements of SDG 4.7. In this paper, we seek to review the ways organisations engage youths in localising the SDGs since it has been in effect to present developments, analyse trends and limitations, and provide future directions to ensure sustainability.

**Keywords:** Sustainable Development Goals (SDGs); Youth Participation; Capacity Building; Malaysia, SDG 17, partnership model

### INTRODUCTION



Artikel penuh boleh dicapai di sini

**B A H A G I A N**

**06**

**PENYERTAAN DI  
PERINGKAT SERANTAU  
& GLOBAL**

---

# PENYERTAAN DALAM FORUM HLPF 2022 DI IBU PEJABAT PBB DI NEW YORK

Kami telah mengambil bahagian dalam mesyuarat dan program berkaitan dengan SDG di peringkat serantau dan global. Di peringkat serantau, mesyuarat berkaitan SDG telah dianjurkan oleh UNESCAP di Bangkok, Thailand. Di peringkat global pula adalah penyertaan dalam HLPF pada Julai 2022 di New York, Amerika Syarikat.

Peluang untuk menyertai HLPF 2022 adalah satu pengalaman yang unik kerana ini merupakan forum antarabangsa yang mengkaji dan menilai kemajuan pelaksanaan SDG di peringkat global. Selepas dua tahun tiada acara secara fizikal dan hanya mesyuarat secara dalam talian, HLPF 2022 telah menyediakan ruang untuk mod hibrid, iaitu interaksi fizikal dan dalam talian dalam kalangan negara-negara ahli dan pihak berkepentingan lain.

## Program Pra-HLPF

Sebelum HLPF 2022 berlangsung, pihak Sekretariat APPGM-SDG dengan kerjasama ISIS Malaysia dan sokongan Kementerian Luar Negeri, Unit Perancang Ekonomi (Jabatan Perdana Menteri) dan pasukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia telah menganjurkan acara pra-HLPF pada 30 Jun 2022.

Acara pra-HLPF ini adalah bertujuan untuk menarik perhatian dan kesedaran orang ramai terhadap proses HLPF terutamanya memberi tumpuan kepada kesan Covid-19 terhadap keadaan masyarakat dan bagaimana komuniti di peringkat global mengharungi fasa pandemik ini. Program ini telah memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk lebih mengenali proses HLPF.

Bagi acara sebenar HLPF, lapan orang daripada delegasi Malaysia bersama-sama dengan wakil dari pejabat Perwakilan Tetap Malaysia di New York telah mengambil bahagian di HLPF pada 5 - 15 Julai 2022. Daripada lapan orang, tiga orang adalah dari Parlimen, dua orang dari Kementerian Luar Negeri Malaysia dan tiga orang dari Sekretariat APPGM-SDG. Ini adalah angka penyertaan yang baik bagi tahun di mana Malaysia tidak terlibat dengan pembentangan laporan sukarela negara (VNR) berkenaan SDG. Butiran wakil adalah seperti dalam **Jadual 17**.



**Jadual 17:** Senarai nama wakil Malaysia di HLPF 2022


No.	Nama	Jawatan	Kos Ditanggung Oleh
1	YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim	Pengerusi Jawatankuasa APPGM-SDG (Sidang Parlimen ke-14) / Ahli Parlimen Batang Lupa	Parlimen Malaysia
2	Cik Amy Tam	Pegawai Penyelidik, Parlimen Malaysia	Parlimen Malaysia
3	Puan Aznifah Abdul Ghani	Setiausaha Bahagian, Kementerian Luar Negeri	Kementerian Luar Negeri Malaysia
4	Cik Nidyakala Maniam	Timbalan Pengarah, Kementerian Luar Negeri	Kementerian Luar Negeri Malaysia
5	Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria	Ketua Sekretariat APPGM-SDG	Kementerian Luar Negeri Malaysia
6	Puan Nur Rahmah Othman	Pegawai Eksekutif – Operasi & Inisiatif Khas	Dana pembangunan kapasiti kakitangan dan penyertaan persidangan Sekretariat APPGM-SDG yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia
7	Cik Zoel Ng	Pegawai Eksekutif – Rangkaian, Komunikasi & Pembangunan Belia	Dana pembangunan kapasiti kakitangan dan penyertaan persidangan Sekretariat APPGM-SDG yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia
8	Encik Kamarul Farid	Pegawai Khas kepada YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim	Parlimen Malaysia



## Intervensi Semasa HLPF 2022

Kami berpeluang membuat tiga intervensi utama semasa HLPF 2022. Kami juga menganjurkan beberapa acara sampingan secara dalam talian mengenai penyetempatan SDG di mana pada sesi pertama panel, kami memberikan keterlihatan kepada keseluruhan gerak kerja penyetempatan SDG di Malaysia. Di sesi panel kedua, kami telah menjemput tiga jurucakap dari Indonesia, Thailand dan Filipina untuk membuat perkongsian berkenaan penyetempatan SDG yang memfokuskan konteks ASEAN (**Jadual 18**).

Kami juga menganjurkan program yang melibatkan belia serta satu sesi libat urus bersama wakil-wakil negara Thailand, Indonesia, Malaysia dan Filipina untuk berkongsi asas dan pengalaman pelaksanaan SDG.





**Jadual 18:** Senarai Acara Yang Dianjurkan Dan Disertai Oleh Malaysia Di HLPF 2022

Bil.	Program	Tarikh & Masa	Maklumat Lanjut
1.	<p>Acara Sampingan rasmi - <i>"Building Back Better &amp; Promoting Sustainable Development Via Social &amp; Solidarity Economy"</i></p> <p>Anjuran: RIPESS Intercontinental Kolaborasi bersama UNTFSSSE, OECD, France, Spain dan Malaysia</p>	<p>5 Julai 2022</p> <p>7.30 pagi - 9.00 pagi (Waktu New York) /</p> <p>7.30 petang - 9.00 malam (Waktu Malaysia)</p> <p>Dalam talian</p>	<p>Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria (Ketua Sekretariat APPGM-SDG) &amp; Dato' Mohammad Radhi Abdul Razak (Timbalan Ketua Setiausaha Dasar &amp; Pemerhatian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Malaysia) merupakan antara Jurucakap.</p>
2.	<p>Acara Sampingan rasmi - <i>"Building Back Better in Localising SDGs: A Case Study of the Malaysia &amp; Three South East Asian Country Experiences of the Partnership Model"</i></p> <p>Anjuran: Kementerian Luar Negeri, Malaysia</p> <p>Disokong oleh: APPGM-SDG, ISIS Malaysia &amp; Perikatan CSO-SDG Malaysia</p>	<p>11 Julai 2022</p> <p>7.30 pagi - 9.00 pagi (Waktu New York) /</p> <p>7.30 petang - 9.00 malam (Waktu Malaysia)</p> <p>Dalam talian</p>	<p>Ucapan pembukaan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed (Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Malaysia)</p> <p>Ucapan penutup oleh YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah, Menteri Luar Negeri, Malaysia</p>
3.	<p>Acara Sampingan Rasmi: <i>"Catalyzing Actions for Sustainable Vegetable Oils in Support of Sustainable Development Goals (SDGs)"</i></p> <p>Anjuran: Kerajaan Indonesia</p> <p>Disokong oleh: Kerajaan Malaysia</p>	<p>11 Julai 2022</p> <p>7.30 pagi - 9.00 pagi (Waktu New York) /</p> <p>7.30 petang - 9.00 malam (Waktu Malaysia)</p> <p>Dalam talian</p>	<p>Wakil Jurucakap dari Malaysia</p>

Bil.	Program	Tarikh & Masa	Maklumat Lanjut
4.	<p>Acara Sampingan rasmi: <i>"Meaningful and inclusive engagement of young people in accelerating progress towards implementing the 2030 Agenda for sustainable development"</i></p> <p>Anjuran: ARROW</p> <p>Disokong oleh: Kerajaan Malaysia</p>	<p>12 Julai 2022</p> <p>7.30 pagi - 9.00 pagi (Waktu New York) / 7.30 malam - 9.00 malam (Waktu Malaysia)</p> <p>Dalam talian</p>	<p>Wakil Jurucakap dari Malaysia</p>
5.	<p>Acara Sampingan rasmi: <i>"Vision of Civil Society: Systemic Reforms To Leave No One Behind"</i></p> <p>Anjuran: Sekretariat PBB</p>	<p>12 Julai 2022</p> <p>9.00 pagi - 11.00 pagi (Waktu New York) / 9.00 malam - 11.00 malam (Waktu Malaysia)</p> <p>Di bangunan UN dan dalam talian</p>	<p>Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria adalah salah seorang Jurucakap.</p> <p>Intervensi oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim</p>
6.	<p>Forum Parlimen di HLPF 2022</p> <p>Anjuran: <i>Inter-Parliamentary Union (IPU)</i></p>	<p>13 Julai 2022</p> <p>10.00 pagi - 1.00 petang (Waktu New York)</p> <p>Di Plaza PBB, New York</p>	<p>YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim adalah wakil Ahli Parlimen dari Malaysia dan telah membuat intervensi semasa forum ini.</p>
7.	<p>Sesi Libat Urus Bersama Belia: <i>"Role of Youth on SDGs"</i></p> <p>Anjuran: Sekretariat APPGM-SDG</p>	<p>13 Julai 2022</p> <p>2.00 petang - 4.00 petang (Waktu New York)</p> <p>Pusat Bahai, New York</p>	<p>Peserta adalah daripada delegasi belia dari pelbagai negara.</p>



Bil.	Program	Tarikh & Masa	Maklumat Lanjut
8.	<p><i>"Building Back Better Tea Engagement: A Conversation with Multi Stakeholders in Localising SDGs"</i></p> <p>Anjuran: Sekretariat APPGM-SDG</p>	<p>14 Julai 2022</p> <p>3.00 petang - 4.00 petang (Waktu New York)</p> <p>Kafeteria, Pejabat PBB</p>	<p>Peserta adalah daripada delegasi negara-negara ahli (Thailand, Indonesia, Filipina), ahli IPU, CSO/NGO and pihak-pihak berkepentingan lain</p>
9.	<p><i>High Level Segment: Looking Ahead: Acting Today to Secure A Better Future</i></p>	<p>18 Julai 2022</p> <p>3.00pm - 5.00pm (Waktu New York)</p> <p>Pejabat PBB</p>	<p>Responden: YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah (Menteri Luar Negeri, Malaysia)</p>

Pengalaman di HLPF 2022 menunjukkan interaksi yang tinggi dengan Kementerian Luar Negeri dalam aspek penyertaan APPGM-SDG di HLPF 2022. Semua peserta Malaysia diberikan pas rasmi dan merupakan sebahagian daripada delegasi Malaysia termasuk wakil Parlimen dan CSO. Ini merupakan satu perkembangan dan kejayaan baharu bagi Ahli Parlimen, kakitangan Parlimen dan wakil NGO/CSO untuk dimasukkan dalam senarai rasmi perwakilan Malaysia. Amalan ini harus diteruskan pada tahun-tahun akan datang kerana ianya melambangkan pendekatan seluruh negara serta Matlamat 17, iaitu perkongsian pelbagai pihak dalam menyetempatan SDG.

# PENYERTAAN DALAM FORUM ASIA PASIFIK MENGENAI PEMBANGUNAN LESTARI KE-9 DI BANGKOK

Puan Nur Rahmah Othman (Pegawai Eksekutif – Operasi & Inisiatif Khas Sekretariat APPGM-SDG) telah menyertai Forum Asia Pasifik mengenai Matlamat Pembangunan Lestari yang ke-9 di Bangkok, Thailand dari 25 – 28 Mac 2022. Penyertaan ini telah memberi peluang kepada beliau, khususnya sebagai staf Sekretariat APPGM-SDG untuk didedahkan kepada UNESCAP dan keseluruhan sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta menjalin rangkaian dengan rakan-rakan afiliasi PBB dan pihak berkepentingan serantau yang lain seperti *Asia Pacific Regional CSO Engagement Mechanism (APRCM)* dan *Asia Development Alliance (ADA)* dengan lebih mendalam.




# PENYERTAAN DALAM FORUM PELBAGAI PIHAK BERKEPENTINGAN ASIA TENGGARA KE-6 MENGENAI PELAKSANAAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI

Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria telah dijemput sebagai pakar rujuk di Forum Pelbagai Pihak Berkepentingan Asia Tenggara ke-6 mengenai Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Lestari dari 7-8 November 2022 di Bangkok. Beliau telah berkongsi pengalaman Malaysia di dalam panel bertajuk “Memanfaatkan VNR untuk Mempercepatkan Pembaharuan Dasar dan Menyelaraskan SDG kepada Rancangan dan Program Negara”. Ianya satu peluang yang baik untuk berkongsi pengalaman Malaysia dalam menyediakan VNR Malaysia pada tahun 2021 terutamanya proses penglibatan Ahli-ahli Parlimen dan CSO/NGO bersama agensi-agensi kerajaan. Dua orang staf Sekretariat APPGM-SDG yang turut sama menyertai forum ini adalah Encik K. Eruthairaj A/L Kulanthaisamy (James Raj) dan Cik Zoel Ng.



# PENYERTAAN DALAM PERSIDANGAN BELIA SERANTAU DI ASIA PASIFIK

Cik Zoel Ng telah mengambil bahagian dalam acara persediaan untuk Persidangan Air PBB 2023 dan Persidangan Parti-parti bagi Perubahan Iklim PBB ke-27 (COP 27) bermula dari 9-13 Ogos 2022 di Ormoc City, Visayas Timur Filipina.



BAHAGIAN

07

KEWANGAN

---

# KEWANGAN APPGM-SDG 2022

Dari perspektif kewangan, terdapat beberapa perkembangan positif pada tahun 2022.

## Ruang Pejabat

Satu peristiwa penting ialah keupayaan mendapatkan ruang pejabat di 8 Avenue, Petaling Jaya. Kami mengubahsuai ruang tingkat ini untuk digunakan sebagai pejabat tetap selepas menghabiskan tahun 2020 dan 2021 bekerja di luar pejabat, ruang kerja berkongsi, dan juga di restoran Mamak.

## Penambahbaikan Pengurusan Kewangan

Prosedur Audit 2021 telah berjaya diselesaikan, dengan beberapa cadangan penting. Salah satunya adalah memperkuhkuhkan Jabatan Kewangan dengan pengambilan Pegawai Kewangan tambahan untuk membantu Pegawai Eksekutif Kewangan dengan kerja-kerja kewangan seharian. Seterusnya adalah langkah mengkomputerkan Sistem Perakaunan, yang menggunakan lembaran Excel sejak tahun 2020, kepada Perisian Perakaunan Xero yang akan disempurnakan pada tahun 2023.

## Peningkatan Pembiayaan Bagi Tahun 2022 dan Impak Penyampaian Perkhidmatan

Peruntukan Belanjawan Kewangan bagi tahun 2022 telah meningkat kepada RM10,000,000 iaitu peningkatan sebanyak 100% berbanding dengan Belanjawan tahun 2021 sebanyak RM5,000,000. Peruntukkan bajet ini merupakan satu pengesahan bahawa Kerajaan Malaysia, khususnya Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan Sekretariat APPGM-SDG untuk melaksanakan penyetempatan SDG bersama ahli Parlimen dan komuniti akar umbi.

Peningkatan belanjawan ini juga merupakan refleksi positif terhadap kepimpinan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi APPGM-SDG, iaitu Dato' Sri Rohani Abdul Karim dan YB Puan Maria Chin Abdullah, serta Ketua Sekretariat, Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria.

Peningkatan belanjawan ini membolehkan APPGM-SDG menambah bilangan kawasan Parlimen yang mengambil bahagian setiap tahun daripada 20 kepada 27 kawasan Parlimen tahun ini, bersama penambahan dua kategori pembiayaan projek baharu iaitu Projek Penajaan Pendapatan (50 projek x RM35,000 setiap satu) dan Pusat Pembelajaran Komuniti (5 pusat x RM40,000 setiap satu).

Dengan peningkatan bilangan kawasan Parlimen, kami juga mendapati keperluan untuk memperkuhkuhkan pasukan Penyelidikan, baik untuk kerja lapangan mahupun untuk kerja Advokasi Dasar.

# PENYATA AKAUN YANG TELAH DIAUDIT BAGI TAHUN 2022

**TOR & CO.** (AF 0575)

Chartered Accountants



Head office

No.14, Persiaran 65C, Pekeliling Business Centre,  
Jalan Pahang Barat, Off Jalan Tun Razak, 53000 Kuala Lumpur.

Tel: +603-4024 6666

Email: [info@tor.com.my](mailto:info@tor.com.my) Website: [www.tor.com.my](http://www.tor.com.my)

杜秉權會計樓  
英皇御准特許會計師  
大馬特許會計師

Date: 07 AUG 2023

TO WHOM IT MAY CONCERN

EXTRACT FROM PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (THE SOCIETY)  
AUDITED FINANCIAL STATEMENTS FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2022.

8. ON-GOING PROJECT

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
<u>All Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (APPGM-SDG)</u>		
Balance brought forward	2,253,054.48	541,168.92
Grant for 2021	-	5,000,000.00
Grant for 2022	10,000,000.00	-
	12,253,054.48	5,541,168.92
Auditors' remuneration	(15,000.00)	(10,000.00)
Secretariat expenses and coordination expenses	(768,139.76)	(583,854.50)
Networking and communications	(398,358.91)	-
Capacity building and awareness expenses	(474,650.31)	(156,153.78)
Project monitoring expenses	(454,370.20)	-
Research expenses	(789,542.46)	(698,636.26)
Solution project expenses	(3,108,914.00)	(1,839,469.90)
	(6,008,975.64)	(3,288,114.44)
Balance as at 31st December	<u>6,244,078.84</u>	<u>2,253,054.48</u>

The above is extracted from the Note 8 to the financial statements of the audited financial statements of the Society for the financial year ended 31st December 2022.

The audited financial statements of the Society for the financial year ended 31st December 2022 have been prepared in compliance with the Malaysian Private Entities Reporting Standard ("MPERS") issued by the Malaysian Accounting Standard Board ("MASB") as well as the provision of the rules and regulations of the Society.

The audited financial statements of the Society for the financial year ended 31st December 2022 had been duly audited by Tor & Co.

Tor & Co.,  
Firm Number : AF:0575  
Chartered Accountants

TOR PEN KUAN 01211/11/2024 J  
Chartered Accountant

Branch

70A, Lebuhr Beringin, 42000 Port Klang, Selangor. Tel: +603-3167 2625

**B A H A G I A N**

**08**

**PERTUBUHAN DAN  
PERIKATAN MATLAMAT  
PEMBANGUNAN LESTARI**

---





PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI  
PPM-023-14-07012020

# PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari telah didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan pada 7 Januari 2022 sebagai entiti sah yang berkhidmat sebagai Sekretariat untuk APPGM-SDG dan Perikatan CSO-SDG Malaysia. Persatuan ini menerima dan menguruskan peruntukan yang diterima oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Parlimen Malaysia sejak 2020.

Persatuan ini juga melantik dan menggaji semua staf Sekretariat APPGM-SDG dan menandatangani perjanjian dengan rakan pelaksana projek dan ahli-ahli akademik berkenaan pemetaan dan penyelidikan yang dijalankan.

Terdapat 16 orang ahli di dalam Persatuan pada tahun 2022, di mana lapan orang telah dipilih menjadi Jawatankuasa Eksekutif Persatuan dan dua orang telah dilantik sebagai juruaudit dalaman. Sejak 2020, akaun persatuan telah diaudit secara luaran oleh Akauntan Bercarta Tor & Co (AF 0575) yang dilantik oleh Jawatankuasa APPGM-SDG.

Laporan Tahunan APPGM-SDG bagi tahun 2020 dan 2021 telah diedarkan kepada Ahli Parlimen di dalam Dewan dan turut dimuatnaikan dalam laman web Parlimen:



## **Persatuan Bertemu Sebanyak Tiga Kali Pada Tahun 2022**

Mesyuarat pertama adalah Mesyuarat Agung Khas untuk mendapatkan kelulusan Persatuan untuk pembukaan akaun bank tambahan, pembelian kenderaan dan memaklumkan pertukaran alamat. Ini telah diadakan pada 14 April 2022.

Mesyuarat kedua adalah Mesyuarat Agung Tahunan ke-3 untuk memilih pemegang jawatan selama dua tahun (tahun 2022 – 2024) . Ini telah diadakan pada 1 Jun 2022.

Mesyuarat ketiga adalah Perhimpunan Agung Khas yang telah diadakan pada 28 Oktober 2022 untuk menyemak dan menerima pakai akaun teraudit 2021.

## Pemegang Pejabat Persatuan (2022-2024) Adalah :



**Prof. Datuk Dr.  
Denison Jayasooria**

Presiden



**Dr. Lin Mui Kiang**

Naib Presiden



**Encik Alizan  
Mahadi**

Setiausaha



**Encik K. Eruthairaj  
A/L Kulanthaisamy  
(James Raj)**

Pembantu Setiausaha



**Encik Kon Onn Sein**

Bendahari



**Prof. Dato' Dr.  
Rashila Ramli**

Ahli Exco



**Puan Omna  
Sreeni-Ong**

Ahli Exco



**Puan Lavanya Rama Iyer**

Ahli Exco



**Encik Kiu Jia Yaw**  
Juruaudit Dalaman



**Encik Jeffrey Phang**  
Juruaudit Dalaman



MALAYSIAN  
**CSO-SDG**  
ALLIANCE

A Member in the National SDG Steering Committee

## PERIKATAN CSO-SDG MALAYSIA

Perikatan CSO-SDG Malaysia adalah satu rangkaian CSO yang komited terhadap SDG. Ianya ditubuhkan pada Oktober 2015 dan telah memainkan peranan utama dalam mobilisasi CSO dan NGO yang terlibat dalam aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk menyokong keterangkuman SDG secara lebih besar dalam agenda pembangunan negara.

Semasa di bawah pimpinan Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria pada 2019, Perikatan telah mengetuai delegasi CSO untuk bertemu Speaker Parlimen dan telah mendapat kelulusan akhirnya untuk penubuhan APPGM-SDG dan pelantikan Sekretariat.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 2022 terdapat perubahan struktur kepimpinan Perikatan apabila Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria meletak jawatan sebagai Pengerusi Bersama untuk memberi sepenuh perhatian terhadap peranan beliau sebagai Ketua Sekretariat APPGM-SDG dan Presiden Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari.

Memandangkan Perikatan adalah rangkaian bebas, satu proses pilihan raya rasmi telah diadakan untuk melantik Pengerusi Bersama yang baharu. Pada mesyuarat Perikatan yang diadakan pada 11 Jun 2022, ahli-ahli Perikatan bersetuju mengenai proses pemilihan di mana setiap organisasi diminta mencalonkan dua orang wakil rasmi untuk pemilihan Pengerusi Bersama. Kemaskini yang dibuat pada 1 Jun 2022 menunjukkan bahawa Perikatan mempunyai sembilan organisasi payung dan 63 organisasi individu.

Mesyuarat ini juga mengiktiraf bahawa Perikatan adalah rangkaian CSO dan NGO berkenaan SDG. Dua orang wakil daripada setiap organisasi akan bertemu sebanyak empat kali setahun. Ia menyediakan platform untuk CSO dan NGO untuk terlibat dalam advokasi dasar dan perwakilan dalam mesyuarat dan rangkaian lain.

Berkenaan pemilihan Pengerusi Bersama, 48 organisasi telah memberi maklumbalas dan mencalonkan 96 orang untuk proses pilihanraya ini. Mereka diminta untuk mencalonkan Pengerusi Bersama dan pemilihan telah diadakan pada 29 Jun 2022.

Terdapat satu kertas kerja yang mendokumentasikan mesyuarat ahli Perikatan pada 11 Jun 2022 bertajuk "Perikatan CSO SDG Malaysia, Sejarah, Status Semasa dan Tadbir Urus".

**Puan Lavanya Rama Iyer** dan **Encik Kiu Jia Yaw** telah dipilih sebagai Pengerusi Bersama Perikatan CSO-SDG Malaysia selama dua tahun, iaitu bagi tahun 2022 sehingga 2024.

## Pengerusi Bersama:



Cik Lavanya Rama Iyer



Encik Kiu Jia Yaw

## RAKAN ORGANISASI:





# SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

**KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI**

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,  
Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor.  
Email: [appgmsdgmy@gmail.com](mailto:appgmsdgmy@gmail.com) | Tel: +6013 920 3550